



TERJEMAHAN

# MUKHTASAR

ABDILLAH AL-HARARY

MEMUATKAN ASAS ILMU AGAMA YANG WAJIB

DALAM MAZHAB IMAM SYAAFII

مُخْتَصَرٌ

عَبْدِ اللَّهِ الْهَرَّارِيِّ

الكافل بعلم الدين الضروري

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## مُقَدِّمَةٌ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الْحَيِّ الْقَيُّومِ الْمُدَبِّرِ لِكُلِّ شَيْءٍ وَبَعْدُ،

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Dia yang maha Hidup, Kekal dan Pengatur segenap makhluk.

Ini adalah Mukhtasar (ringkasan) yang memuatkan sebahagian besar asas ilmu agama yang tidak boleh bagi setiap orang mukalaf<sup>1</sup> untuk mengabaikannya (wajib diketahui), iaitu berkaitan akidah, masalah-masalah fekah, mulai dari cara bersuci hingga haji, beberapa hukum tentang muamalat. Semuanya dalam (lingkungan) mazab Imam asy-Syaafii. Kemudian penjelasan tentang dosa-dosa hati dan anggota badan seperti lidah dan lainnya. Asal kitab ini adalah karya sebahagian para ahli fiqh Hadhralmaut, iaitu Abdullah ibn Husain ibn Thahir. Kemudian dilengkapi dengan banyak tambahan tentang masalah-masalah penting, dengan membuang pembahasan mengenai tasawwuf yang dia sebutkan dan merubah sebahagian kalimat-kalimatnya tanpa menyebabkan perubahan pada asas masalah. Adakala kami menyebutkan pendapat yang dikuatkan (tarjih) oleh sebahagian ahli fekah mazhab Syaafii seperti al-Bulqini kerana lemahnya pendapat dalam kitab asalnya. Maka hendaklah setiap mukalaf bersungguh-sungguh mempelajari kitab ini agar diterima amalannya. Kami namakan kitab ini: **Mukhtasar Abdilllah al Harary al Kafil bi IImad-Din ad-Dharuri** (Ringkasan Abdullah al Harari yang memuatkan asas ilmu agama yang wajib).

---

<sup>1</sup> Mukalaf : orang yang sudah baligh, berakal dan telah mendengar dakwah Islam (dua kalimah syahadat).

# BAB I

## ASAS AKIDAH

(Fasal)

Wajib bagi semua mukalaf untuk memeluk agama Islam, meyakiniinya untuk selamanya dan melaksanakan segala hukum-hakam yang diwajibkan atasnya. Diantara hal yang wajib diketahui dan diyakini secara mutlak, dan wajib diucapkan sekali jika memang dia (mukalaf) baru memeluk Islam, atau jika tidak (dia bukan seorang yang baru memeluk Islam) maka wajib mengucapkannya dalam sembahyang, adalah dua kalimat syahadat:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ.

Makna أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ : aku mengetahui dan aku mempercayai dan aku mengakui (dengan ucapan) bahawa tidak ada yang disembah dengan hak (sebenar) kecuali Allah, yang Esa iaitu tiada sekutu bagi-Nya "الواحد", tidak terbahagi-bahagi<sup>2</sup> "الأحد", tidak bermula "الأول", tidak mendahului dengan ketiadaan "القديم", Maha Hidup "الحي", tidak berkehendak kepada yang lain "القيوم", tidak berakhir "الدائم", Maha Pencipta "الخالق", Pemberi rezeki "الرازق", Maha mengetahui "العالم", Maha Kuasa "القدير", berkuasa melakukan sesuatu dengan kehendak-Nya "الفعال لما يريد". Segala apa yang Dia kehendaki terjadi dan segala apa yang tidak Dia kehendaki tidak akan terjadi "ما شاء الله كان وما لم يشأ لم يكن". Tidak ada daya upaya untuk menjauhi perbuatan dosa kecuali dengan pemeliharaan-Nya, dan tidak ada kekuatan untuk berbuat ketaatan kepada-Nya kecuali dengan pertolongan-Nya. Allah memiliki segala sifat kesempurnaan yang layak bagi-Nya dan Maha Suci dari segala kekurangan bagi-Nya.

---

<sup>2</sup>Kerana Dia bukan jisim; benda. Ini adalah makna Ahad menurut sebahagian ulama.

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Allah tidak menyerupai sesuatu pun dari makhluk-Nya dan tidak ada sesuatu pun dari makhluk-Nya yang menyerupai-Nya, Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat.<sup>3</sup> Hanya Allah yang tidak memiliki permulaan (Qadim) "قديم", segala sesuatu selain-Nya memiliki permulaan (Haadis-baharu) "حادث". Dialah Pencipta "الخالق", segala sesuatu selain-Nya adalah ciptaan-Nya (makhluk) "مخلوق". Segala yang ada (masuk ke dalam wujud), benda<sup>4</sup> dan perbuatannya, mulai dari (benda yang terkecil) zarah hingga (benda terbesar) Arasy, segala gerakan manusia dan diamnya, niat dan lintasan fikirannya, semuanya itu (ada) dengan penciptaan Allah, tidak ada yang menciptanya selain Allah, bukan thabiih "طبيعية" (yang menciptanya) dan bukan pula illah<sup>5</sup> "علة". Akan tetapi segala sesuatu tersebut masuk pada kewujudan dengan kehendak Allah dan kekuasaan-Nya, dengan ketentuan dan ilmu-Nya yang azali (yang tidak bermula), sebagaimana firman Allah:

﴿وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ﴾

Maknanya : "dan Allah menciptakan segala sesuatu" [Furqan:2]

Ertinya Allah menciptakan sesuatu dari tidak ada menjadi ada. Makna (خلق) pada ayat ini tidak layak bagi sesiapa pun kecuali hanya bagi Allah. Allah berfirman:

﴿هَلْ مِنْ خَلْقٍ غَيْرِ اللَّهِ﴾

Maknanya: "Tidak ada pencipta selain Allah". [Faatir:3]

<sup>3</sup>Pendengaran Allah tidak seperti pendengaran makhluk, penglihatan Allah tidak seperti penglihatan makhluk.

<sup>4</sup>Benda yang dimaksud di sini bukan benda padat, tetapi A'yan atau Ajsam ialah segala sesuatu yang memiliki bentuk dan ukuran, termasuk manusia.

<sup>5</sup>Thabi'ah adalah 'adah ; kebiasaan. Kebiasaan api adalah membakar. Illah adalah sebab. Api adalah sebab terjadinya pembakaran.

An-Nasafi berkata: “apabila seseorang melempar kaca dengan batu hingga pecah, maka lemparan, hentaman batu dan pecahnya kaca semuanya adalah ciptaan Allah. Jadi seorang hamba hanyalah melakukan kasb<sup>6</sup> "كسب". Adapun penciptaan hanya milik Allah, Allah berfirman:

﴿لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ﴾

Maknanya: Bagi setiap jiwa dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. [al-Baqarah:286]

Kalam "كلام" Allah adalah Qadim "قديم" (tidak bermula)<sup>7</sup> seperti seluruh sifat-sifat-Nya. Kerana Allah tidak menyerupai semua makhluk-Nya, baik pada zat-Nya, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan orang-orang zalim (orang kafir) dengan kesucian yang agung.

Kesimpulan dari makna (syahadat pertama) ini adalah ketetapan adanya tiga belas sifat bagi Allah, yang sering berulang penyebutannya dalam al-Quran, baik pada lafaz mahupun maknanya sahaja. iaitu :

1. al-Wujud "الوجود" (Allah ada),
2. al-Wahdaniyyah "الوحدانية" (tidak ada sekutu bagi-Nya pada zat, sifat dan perbuatan-Nya),
3. al-Qidam "القدم" (tidak bermula),
4. al-Baqa "البقاء" (tidak berakhir),
5. Qiyamuhu bi nafsihi "قيامه بنفسه" (tidak memerlukan kepada yang lain dan segala sesuatu memerlukan kepada-Nya),

---

<sup>6</sup>Kasb adalah apabila seorang hamba mengarahkan niat dan kehendaknya untuk melakukan suatu perbuatan dan pada saat itulah Allah menciptakan dan menampakkan perbuatan tersebut.

<sup>7</sup>Kalam Allah yang dimaksud di sini adalah Kalam Allah yang merupakan sifat zat-Nya. Kerana sifat kalam ini qadim bererti ianya bukan huruf, suara dan bahasa kerana semua itu baharu, makhluk.

6. al-Qudrah "القدرة" (Maha Kuasa),
7. al-Iradah "الإرادة" (berkehendak),
8. al-Ilmu "العلم" (mengetahui segala sesuatu),
9. as-Sam'u "السمع" (mendengar segala sesuatu),
10. al-Basor "البصر" (melihat segala sesuatu),
11. al-Hayat "الحياة" (yang maha hidup),
12. al-Kalam "الكلام" (berkata-kata dengan kalam yang bukan huruf, suara dan bahasa),
13. Tanazzuhuhu 'an al-Musyabahah li al-haadis "تنزّزه عن المشابهة للحادث" (maha suci dari menyerupai segala yang baharu).

Oleh kerana sifat-sifat ini banyak disebut dalam nas-nas syariah, para ulama mengatakan: Wajib atas setiap Mukalaf (Wajib Aini) untuk mengetahuinya. Dan kerana zat Allah adalah Azali (tidak bermula), maka demikian jugalah sifat-sifat-Nya pasti (wajib) Azali, kerana baharunya sifat suatu zat mengharuskan baharunya zat tersebut.

Makna وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : aku mengetahui dan aku mempercayai dan aku mengakui (dengan ucapan) bahawa Muhammad ibn Abdullah ibn Abdul Muththalib ibn Hasyim ibn Abd Manaf al-Qurasyi (dari Kabilah Quraisy) adalah hamba Allah dan utusan-Nya kepada segenap makhluk. Dan diikuti dengan syahadat ini mempercayai bahawasanya Muhammad ﷺ lahir dan diutus (menjadi seorang Nabi dan Rasul) di Makkah, berhijrah ke Madinah dan dimakamkan di sana”.

Termasuk dalam makna syahadat kedua ini, meyakini bahawa Nabi Muhammad ﷺ jujur dalam segala berita yang dia bawa dan sampaikan dari Allah. Di antaranya : adanya siksa kubur, pertanyaan dua malaikat, Munkar dan Nakir, al-Ba'ts "البعث" (dibangkitkannya semua orang mati), al-Hasyr "الحشر" (saat dikumpulkannya makhluk di suatu tempat), al-Qiyamah "القيامة" (hari kiamat), al-Hisab "الحساب" (perhitungan atas segala perbuatan), ats-Tsawab "الثواب" (balasan

bagi seorang mukmin yang melakukan kebaikan), al-Azab "العذاب" (balasan bagi seseorang yang melakukan kejahatan), al-Mizan "الميزان" (timbangan yang memiliki dua neraca, satu untuk kebaikan dan lainnya untuk keburukan), an-Naar "النار" (neraka Jahannam), ash-Sirat "الصراط" (jembatan terbentang di atas neraka, satu hujungnya pada bumi yang telah diganti [al Ardl al Mubaddalah] dan hujung lainnya di satu tempat menuju ke arah syurga), al Haudh "الحوض" (telaga), as-Syafaah "الشفاعة" (Syafaat), al-Jannah "الجنة" (syurga), ar-Rukyah "الرؤية" (melihat zat Allah [di akhirat kelak] dengan mata kepala dengan tanpa disifatkan dengan sifat-sifat makhluk, tanpa bentuk, tanpa tempat dan tanpa arah, tidak seperti penglihatan makhluk), dan kekal syurga dan neraka. Juga beriman dengan malaikat Allah, para rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, ketentuan (al-maqdur)-Nya yang baik dan buruk, dan bahawasanya Nabi Muhammad ﷺ adalah penutup para nabi dan pemimpin seluruh manusia (keturunan Adam).

Wajib berkeyakinan juga bahawa setiap nabi Allah wajib memiliki sifat benar "الصدق", amanah "الأمانة" dan bijaksana "الطاعة". Mustahil bagi mereka sifat bohong "الكذب", khianat "الخيانة", ar-Radzalah "الردالة" (terjatuh dalam perbuatan hina), bodoh "السفاهة" dan dungu "البلادة". Mereka wajib terpelihara dari kekufuran, dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil yang menunjukkan rendahnya jiwa pelakunya, baik sebelum mereka menjadi nabi mahupun sesudahnya. Mereka mungkin (jaiz) "جانز" saja melakukan dosa-dosa kecil (yang tidak menunjukkan rendahnya jiwa pelakunya), namun mereka diingatkan terus untuk bertaubat sebelum dosa-dosa tersebut diikuti oleh orang lain.

Dari sini diketahui bahawa kenabian tidak sah (berlaku) bagi saudara-saudara nabi Yusuf yang telah melakukan perbuatan-perbuatan keji itu, mereka itu adalah selain Binyamin. Sedangkan al-Asbath "الأسباط" (kisah mereka disebutkan dalam al-Quran) yang mendapatkan wahyu (diangkat menjadi Nabi) dari Allah, mereka adalah keturunan saudara-saudara nabi Yusuf (bukan saudara-saudara nabi Yusuf tersebut).

## (Fasal)

Wajib atas setiap muslim memelihara Islamnya dan menjaganya dari hal-hal yang merosak dan memutuskan darinya, iaitu riddah (kufur, keluar dari Islam). Imam An-Nawawi dan lainnya berkata: "Riddah adalah kekufuran yang paling keji"<sup>8</sup>. Pada masa sekarang telah banyak sikap bersahaja dalam berbicara, sehingga sebahagian orang mengucapkan kata-kata yang boleh mengeluarkan mereka dari Islam, sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa hal tersebut adalah perbuatan dosa, apatah lagi melihatnya sebagai kekufuran. Hal itu sesuai dengan sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَىٰ بِهَا بَأْسًا يَهْوِي بِهَا فِي النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا.

[رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ]

Maknanya: "Sesungguhnya seorang hamba jika mengucapkan perkataan (yang merendahkan atau menghina Allah atau syariat-Nya) yang tidak dianggapnya bahaya, padahal perkataan itulah yang menjerumuskannya ke (dasar) neraka (yang jarak tempohnya) 70 tahun (dan tidak akan dihuni kecuali oleh orang-orang kafir)".

Ertinya jarak tempohnya dari atas ke bawah adalah 70 tahun dan itulah dasar neraka jahanam, tempat yang hanya dihuni oleh orang-orang kafir. Hadis ini diriwayatkan oleh at-Tirmidzi<sup>9</sup> dan disahihkannya. Semakna dengan hadis ini sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al Bukhari<sup>10</sup> dan Muslim.<sup>11</sup>

---

<sup>8</sup>Makna pernyataannya: "Riddah adalah kekufuran yang paling keji" adalah dari sisi keburukannya, bukan bererti bahawa segala jenis riddah lebih parah dari kufur yang asli, kerana kufur yang paling parah adalah 'at-ta'thil' iaitu menafikan adanya Allah, akidah hulul iaitu mereka meyakini bahawa Allah menempati atau menyatu dengan alam, ertinya bahawa Allah adalah kesatuan alam dan alam sebagian dari-Nya.

<sup>9</sup>Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dalam Sunan-nya: Kitab Zuhud, bab tentang orang yang berbicara dengan sebuah perkataan agar ditertawakan oleh orang banyak.

<sup>10</sup>Diriwayatkan oleh al Bukhari dalam Shahihnya: kitab ar-Riqaq, bab menjaga lidah.

<sup>11</sup>Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya: kitab az-Zuhd wa ar-Raqa-iq, bab tentang berbicara dengan kalimat yang menyebabkan jatuh ke dalam neraka.

Hadis ini merupakan dalil bahawa ketika seseorang telah nyata jatuh dalam kekufuran tidak disyaratkan ia harus mengetahui hukumnya (bahawa hal tersebut menyebabkan dia jatuh dalam kekufuran), dan tidak harus (dengan) lapang dada ketika mengatakannya, juga tidak harus mempercayai makna lafaz itu sendiri seperti yang dikatakan dalam kitab "Fiqh as-Sunnah". Begitu juga tidak disyaratkan bahawa seseorang yang jatuh dalam kekufuran tersebut tidak berada dalam keadaan marah, sebagaimana hal ini telah diisyaratkan oleh an-Nawawi. Dia berkata: "Bila seseorang marah kepada anak atau hambanya, lalu dia memukulnya dengan pukulan yang kuat, kemudian orang lain berkata kepadanya: Bukankah kamu seorang muslim?, lalu dia menjawab: "bukan!", dia ucapkan dengan sengaja, maka dia telah kafir". Hal ini juga diungkapkan oleh selain an-Nawawi dari kalangan ulama mazhab Hanafi dan mazhab lainnya. (Sebagaimana dikutip dalam kitab al-Fatawa al Hindiyah).

Riddah (kufur) ada tiga jenis sebagaimana pembahagian an-Nawawi dan lainnya dari kalangan ulama mazhab Syaafii, Hanafi dan lainnya: Kepercayaan, Perbuatan dan Ucapan. Setiap dari tiga jenis ini memiliki cabang yang sangat banyak.

Di antara bahagian **pertama** (Kufur Kepercayaan): Syak atau ragu kewujudan Allah atau Rasulnya atau al-Quran atau hari akhirat atau syurga atau neraka atau pahala atau siksa (azab) dan hal-hal lainnya yang termasuk perkara-perkara yang telah disepakati (ijmak), meyakini bahawa alam qadim (tidak bermula) atau azali dengan jenis dan susunannya atau meyakini alam qadim dengan jenisnya saja, atau menafikan salah satu sifat di antara sifat-sifat Allah yang wajib bagi-Nya dengan ijmak (kesepakatan para ulama) seperti Allah maha mengetahui, atau menisbatkan sesuatu yang Allah maha suci (mustahil mempunyai sifat tersebut) dari-Nya dengan ijmak seperti bentuk, atau menghalalkan sesuatu yang haram secara ijmak yang sudah dikenal dengan pasti oleh semua orang Islam yang tidak patut tidak diketahui (hukum halal atau haramnya) seperti (haramnya) perbuatan zina, liwat, membunuh, mencuri dan

merampas, atau mengharamkan sesuatu yang jelas halal seperti jual beli dan nikah, atau menafikan kewajiban yang telah disepakati dengan ijmak seperti solat lima waktu, atau sujud sebagai sebahagian darinya (solat), zakat, puasa, haji dan wuduk, atau mewajibkan sesuatu yang tidak wajib secara ijmak, atau menafikan sesuatu yang telah disyariatkannya dengan ijmak, atau berniat untuk jatuh kepada kekufuran di masa mendatang, atau untuk berbuat salah satu dari yang telah disebutkan di atas, atau ragu-ragu (antara melakukan atau tidak) hal-hal tersebut; (bukan perkara yang terlintas dalam hatinya yang datang dengan tiba-tiba tanpa ia kehendaki). Atau mengingkari kedudukan Abu Bakr as-Siddiq رضي الله عنه sebagai sahabat Rasulullah ﷺ, atau kerasulan seseorang diantara rasul-rasul yang kerasulan mereka telah disepakati secara ijmak, atau mengingkari satu huruf yang telah menjadi ijmak sebagai sebahagian dari al-Quran, atau menambah satu huruf di dalam al-Quran yang telah disepakati dengan ijmak atas ketiadaannya dengan keyakinan bahawa hal itu sebahagian darinya, atau mendustakan seorang rasul atau merendahkannya atau mengecilkan namanya (melakukan Tashghir "تصغير")<sup>12</sup> dengan tujuan menghinanya, atau menharuskan kenabian (diangkat menjadi nabi) bagi seseorang setelah nabi Muhammad ﷺ.

Bahagian **kedua** adalah perbuatan: Seperti sujud kepada berhala atau matahari atau makhluk lain dengan niat beribadah kepadanya.

Bahagian **ketiga** adalah perkataan: Bahagian ini sangat banyak tidak terhitung. Di antaranya: Bila seseorang memanggil orang muslim dengan panggilan: "wahai kafir!" atau "wahai yahudi!" atau "wahai nasrani!" atau "wahai orang yang tidak beragama!" dengan bermaksud bahawa orang yang dia ajak berbicara agamanya (iaitu Islam) dia anggap sebagai kekufuran atau agamanya disamakan dengan agama yahudi atau nasrani atau tidak menganggapnya sebagai agama, dia mengatakan ini bukan dengan tujuan menyerupakan orang yang dipanggil dengan orang kafir atau yahudi dan lainnya (mungkin dalam

---

<sup>12</sup>Seperti nama nabi Musa dijadikan (ditashghir) Muwaisa dengan tujuan menghinanya, maka dia telah kafir.

kelakuannya). Menghina salah satu nama Allah atau janji-Nya atau ancamannya, hal ini dilakukan oleh seseorang yang tidak diketahui baginya tentang penisbatan hal tersebut kepada Allah. Juga bila seseorang berkata: "jika Allah memerintahkanku dengan suatu perkara maka aku tidak akan mengerjakannya" atau "apabila kiblat berubah ke arah ini maka aku tidak akan solat ke arahnya" atau "jika Allah memberiku syurga maka aku tidak akan memasukinya", ucapan-ucapan seperti ini jika dia maksudkan untuk merendahkan atau 'inaad (menolak).

Juga seperti perkataan seseorang: "jika Allah menyiksaku kerana aku meninggalkan solat dalam keadaan sakitku maka Dia telah menzalimiku" atau berkata tentang suatu perbuatan "ini terjadi bukan dengan takdir Allah" atau "apabila para nabi, para malaikat atau semua orang Islam bersaksi di hadapanku maka tidak akan aku terima" atau berkata "saya tidak akan mengerjakan hal itu sekalipun sunnah," dengan tujuan meremehkannya, atau bila ia berkata "jika si fulan seorang nabi, maka aku tidak akan beriman kepadanya" atau bila ia diberi fatwa oleh seorang yang alim (ahli fatwa), kemudian berkata "syariat macam apa ini!", dengan tujuan merendahkan hukum syariat, atau berkata "laknat Allah atas setiap berkata orang alim", dengan tujuan ucapannya mencakupi keseluruhan orang alim, adapun apabila tidak dimaksudkan orang alim secara keseluruhan<sup>13</sup> tapi dengan tujuan melaknat para ulama yang hidup di masanya dan ada qarinah (pertunjuk penentu) yang menunjukkan hal itu seperti sangkaan rosaknya perilaku mereka maka dia tidak dihukumkan kafir, namun begitu dia tetap tidak lepas dari dosa kerana ucapannya ini. Atau bila berkata "saya bebas dari Allah (tidak mengimani) atau dari para malaikat atau dari nabi atau dari syariat atau dari Islam" atau ia berkata "saya tidak mengenal hukum", dengan tujuan menghina hukum Allah. Atau ia berkata setelah menuangkan air ke dalam gelas ﴿وَكَأَسَا دِهَاقًا﴾[surah an-Naba':34] atau berkata setelah mengosongkan bekas

---

<sup>13</sup>Orang yang mengatakan: "laknat Allah bagi setiap alim" disertai adanya qarinah (petunjuk penentu) yang menunjukkan bahawa dia tidak menginginkan keseluruhan ulama, seperti dia sebutkan atau orang lain yang menyebutkan beberapa ulama suuk (tidak baik), kemudian ia mengatakan: "laknat Allah bagi setiap 'alim", maka yang dimaksudkan dalam perkataannya adalah ulama dari golongan terakhir ini dan dia tidak dihukumi kafir. Adapun apabila dia mengatakan perkataan ini "laknat Allah bagi setiap alim" tanpa didahului qarinah apapun maka dia kafir. Sekadar niat di dalam hati tanpa disertai qarinah tidak dapat menghindarkannya dari kekufuran dan orang yang tidak mengkafirkan hal ini maka dia juga kafir.

minuman ﴿فَكَانَتْ سَرَابًا﴾ [surah an-Naba':20] atau atau saat mengukur dan menimbang ia berkata ﴿وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ﴾ [surah al-Muthaffifin:3], atau ketika melihat suatu kumpulan berkata ﴿وَحَسْرَتَاهُمْ فَلَمْ نُعَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا﴾ [surah al-Kahf:47] dengan tujuan merendahkan semua ayat-ayat ini, begitu juga pada setiap tempat (keadaan) yang menyampaikan [ayat-ayat] al-Quran dengan tujuan merendahkan hal tersebut. Adapun apabila tidak dengan tujuan itu maka tidak menjadi kafir, akan tetapi as-Syaikh Ibn Hajar berkata: "tidak jauh (kemungkinan besar) dari dihukumkan sebagai perkara haram".

Begitu juga dihukumkan kafir orang yang mencaci seorang nabi atau malaikat atau berkata: "saya akan menjadi jahat jika saya solat", atau berkata: "saya tidak mendapatkan kebaikan semenjak saya solat", atau "solat tidak baik bagi saya" dengan tujuan menghina, atau ia berkata kepada seorang muslim: "saya adalah musuhmu dan musuh nabimu" atau kepada seorang keturunan Rasulullah ﷺ: "Saya adalah musuhmu dan musuh datukmu" dengan maksud Nabi Muhammad ﷺ, atau mengucapkan kata-kata yang seumpama dengan lafaz-lafaz yang buruk dan keji ini. Para ulama, seperti seorang ahli fekah mazhab Hanafi (al-Faqih al-Hanafi) Badr ar-Rasyid dan al Qadhi 'Iyadl al Maliki, telah memberikan penjelasan dan contoh-contoh yang banyak dalam masalah [kufur ucapan] ini. Maka sepatutnya seseorang itu menelaahnya, kerana orang yang tidak mengetahui suatu keburukan akan terjatuh padanya.

[Kaedah] Sesungguhnya setiap keyakinan, perbuatan atau ucapan yang menunjukkan penghinaan terhadap Allah, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, para malaikat-Nya, syiar-syiar-Nya, ajaran-ajaran agama-Nya, hukum-hakam-Nya, janji-Nya atau ancaman-Nya adalah kekufuran. Maka hendaklah setiap orang untuk menjauhkan dirinya dengan segala upayanya dari semua perkara ini dalam apa keadaan sekalipun.

(Fasal)

Wajib atas orang yang jatuh dalam kekufuran (riddah) untuk kembali segera ketika itu juga kepada Islam dengan mengucapkan dua kalimah syahadat dan melepaskan diri dari apa yang menjadikannya jatuh dalam kekufuran tersebut. Dan wajib bagi dia untuk menyesal atas apa yang telah dia lakukan tersebut dan bertekad untuk tidak kembali kepada kekufuran seperti itu. Bila orang ini tidak mahu kembali kepada Islam dari kekufurannya dengan mengucapkan dua kalimah syahadat, maka wajib diperintahkan untuk bertaubat (dengan kembali masuk Islam) dan tidak diterima darinya kecuali Islam, atau dia dibunuh yang akan dilaksanakan oleh khalifah, setelah ditawarkan kembali kepadanya untuk masuk Islam. Dalam hal ini (pelaksanaan hukum bunuh) khalifah bertindak berdasarkan (kesaksian) dua orang saksi yang adil atau pengakuan orang kafir tersebut atas kekufurannya. Hal ini (hukuman bunuh bagi orang yang murtad) berdasarkan hadis al-Bukhari [مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ] (barang siapa yang merubah agamanya [keluar dari Islam] maka bunuhlah dia).

Kekufuran (riddah) ini membatalkan puasa seseorang, tayammumnya, nikahnya (baik sebelum ia bersama isterinya atau setelah bersamanya jika dalam masa iddahnya dia (murtad) masih tidak kembali kepada Islam), tidak sah akad nikahnya atas seorang perempuan muslimah atau lainnya. Kerana riddah juga, binatang sembelihan seseorang menjadi haram dimakan, ia juga tidak mendapat harta warisan (dari kerabatnya yang meninggal), tidak juga mewariskan hartanya, tidak disolatkan, tidak dimandikan, tidak dikafankan, tidak boleh dikuburkan di perkuburan orang-orang Islam dan hartanya adalah faei' "في" (disalurkan ke baitulmal).

(Fasal)

Wajib atas setiap orang mukalaf melaksanakan seluruh apa yang diwajibkan Allah atasnya. Dia wajib melaksanakannya sesuai perintah Allah

dengan mengerjakan segala rukun-rukun dan syarat-syaratnya serta menjauhi segala hal yang membatalkannya. Dan wajib atasnya bila melihat seseorang meninggalkan sesuatu di antara kewajiban tersebut untuk memerintahnya agar melaksanakannya sesuai aturannya, mengerjakan segala syarat dan rukunnya. Wajib atasnya untuk memerintahkan orang tersebut melakukan, ini jika dia mampu memerintahkannya, dan bila tidak mampu memerintahkannya maka dia wajib menginkarinya dalam hatinya, dan ini adalah batas minima yang seharusnya dilakukan seseorang dalam keadaan tidak mampu.

Dan diwajibkan atas seseorang untuk meninggalkan segala hal yang haram dan mencegah perbuatannya secara paksa dari keharaman tersebut jika dia mampu memaksanya, atau apabila tidak mampu maka wajib atas dia menginkarinya dalam hatinya.

Haram menurut syarak adalah sesuatu yang diberatkan oleh Allah bagi perlakuannya dengan siksa dan dijanjikan bagi yang meninggalkannya (dengan niat mendapatkan reda Allah) pahala. Lawan bagi haram adalah wajib.

# BAB II

## ∞ BERSUCI DAN SOLAT ∞

(Fasal)

Diantara kewajipan (terhadap mukalaf) adalah solat lima waktu dalam sehari semalam:

1. Zuhur : waktunya apabila matahari telah tergelincir ke arah barat hingga bayangan segala sesuatu menjadi sama panjang dengan benda ukurannya, selain bayangan istiwak<sup>14</sup>.
2. Asar : waktunya dari setelah berakhir waktu zuhur hingga terbenamnya matahari.
3. Maghrib : waktunya dari terbenamnya matahari hingga hilangnya cahaya merah di ufuk barat.
4. Isyak : waktunya dari setelah berakhir waktu maghrib hingga terbit fajar shadiq (صادق).
5. Subuh : waktunya dari setelah berakhir waktu isyak hingga matahari terbit.

Wajib atas setiap orang muslim yang telah baligh, berakal dan suci (dari haid dan nifas) untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan ini pada waktunya. Dan diharamkan untuk mendahulukannya sebelum waktunya (melakukannya sebelum masuk waktu) dan mengakhirkannya selepas waktunya dengan tanpa uzur. Apabila datang penghalang solat seperti haid setelah berlalu masa (waktu solat) yang memungkinkannya mengerjakan solat dalam jarak masa tersebut, dan dengan ditambah masa untuk bersuci bagi yang memiliki penyakit seperti

---

<sup>14</sup> Bayangan istiwak' adalah bayangan suatu benda ketika matahari berada tepat di tengah langit. Bayangan ini adalah bayangan yang terpendek dari benda tersebut.

salas (keluar air kencing terus menerus), maka orang tersebut harus mengqada solatnya itu. Atau apabila penghalang solat (haid, pingsan dan lainnya) telah hilang, dan baki masa antara waktu di mana ia berada dengan waktu solat berikutnya dengan seukuran bacaan takbir (الله أكبر) sekali, maka ia pun wajib mengqada solat yang ada pada waktu hilangnya penghalang itu, begitu juga wajib mengerjakan solat sebelumnya jika boleh dijamak dengan solat tersebut. Apabila penghalang tersebut berhenti pada akhir waktu solat asar sebelum terbenamnya matahari dengan ukuran cukup mengucapkan takbir, maka dia wajib mengerjakan asar dan zuhur. Juga wajib solat isyak dan maghrib jika penghalang tersebut berhenti sebelum terbitnya fajar dengan ukuran ucapan takbir.

#### (Fasal)

Wajib atas seorang wali (orang tua) anak, baik anak lelaki mahupun perempuan yang telah mumayyiz, memerintah keduanya untuk solat, mengajarkan keduanya tentang hukum-hakam solat tersebut setelah anak berumur tujuh tahun dan memukul keduanya bila meninggalkannya setelah berumur sepuluh tahun, begitu juga puasa apabila keduanya mampu melakukannya. Juga wajib atas wali tersebut mengajarkan keduanya tentang akidah, hukum hakam, seperti dia memberitahu hal ini wajib... hal itu haram..., disyariatkannya bersiwak dan berjamaah.

Wajib bagi penguasa (khalifah) untuk membunuh orang yang meninggalkan solat kerana malas, jika dia tidak bertaubat. Namun hukumnya dia tetap seorang muslim. Kemudian juga wajib atas setiap muslim menyuruh keluarganya untuk bersolat, juga menyuruh setiap orang yang dia ada kuasa untuk menyuruh mereka (selain keluarganya).

(Fasal)

Di antara syarat-syarat solat adalah wuduk.

Rukun-rukun wuduk ada enam:

1. Niat bersuci untuk solat atau selain solat dari niat-niat yang mencukupi ketika membasuh muka (dalam mazhab Imam Syaafii niat ini diucapkan bersamaan dengan saat membasuh muka, sementara dalam mazhab Imam Malik niat tersebut dapat mencukupi sekiranya diucapkan sesaat sebelum membasuh muka).
2. Membasuh seluruh wajah, dari tempat tumbuh rambut (bahagian atas) hingga ke dagu dan dari anak telinga (kanan) nya hingga ke anak telinga (kiri) nya, baik kulit mahupun rambut (yang ada pada wajahnya), dan tidak (wajib) membasuh bahagian dalam janggut dan jambang yang lebat (tidak kelihatan kulitnya).
3. Membasuh kedua tangan beserta kedua sikunya dan segala apa yang ada di atas keduanya.
4. Mengusap kepala atau sebagiannya sekalipun satu rambut yang berada di bahagian kepalanya.
5. Membasuh dua kaki dan jari kakinya atau menyapu 'khuffi' apabila telah sempurna syarat-syaratnya.
6. Mengerjakannya dengan tertib susunan di atas.

(Fasal)

Hal-hal yang membatalkan wuduk :

1. Sesuatu yang keluar melalui qubul (kemaluan depan) dan dubur (kemaluan belakang) selain mani (sperma).
2. Menyentuh qubul manusia atau lubang dubur dengan telapak tangan tanpa kain pelapik (penghalang).

3. Menyentuh kulit wanita ajnabiah [bukan Mahram] iaitu wanita yang boleh dinikahi.
4. Hilang akal, tidak termasuk tidur dalam keadaan duduk yang tetap di tempatnya.

## 🌀 ISTINJAK 🌀

(Fasal)

Wajib beristinjak dari sesuatu yang keluar melalui qubul dan dubur dalam keadaan basah selain mani (sperma) dengan menggunakan air sampai suci tempat keluarnya atau (kalau tidak menggunakan air) dengan menggosok tiga kali gosokan atau lebih sampai bersih tempat tersebut meskipun masih ada bekasnya dengan menggunakan sesuatu yang boleh mengeluarkan (kotoran), suci, padat dan tidak terhormat seperti batu atau daun sekalipun ada air. Cara yang kedua ini boleh diguna pakai kalau memang kotoran yang keluar tidak berpindah dan belum kering. Jika kotoran berpindah dari tempatnya atau sudah kering maka wajib menggunakan air untuk beristinjak (tidak boleh lagi menggunakan batu atau seumpamanya).

(Fasal)

Di antara syarat solat ialah :

Suci dari hadas besar (dengan mandi atau tayammum bagi yang tidak mampu [kerana ada uzur] mandi). Yang mewajibkan mandi ada 5 perkara :

1. Keluar mani (sperma)
2. Jimak (bersetubuh)
3. Haid
4. Nifas

## 5. Bersalin / Melahirkan.

Fardu-fardu mandi ada 2 :

1. Niat menghilangkan hadas besar atau seumpamanya.
2. Meratakan air ke seluruh anggota badan, baik kulit dan rambut (bulu) walaupun lebat.

(Fasal)

Syarat-syarat bersuci :

1. Islam.
2. Tamyiz<sup>15</sup>.
3. Tidak ada sesuatu yang menghalang sampainya air ke anggota tubuh yang dibasuh.
4. Mengalir airnya (ke anggota tubuh yang dibasuh).
5. Air yang digunakan harus suci dan mensucikan, iaitu air yang tidak terkeluar namanya (dari status air mutlak) disebabkan tercampur dengan benda suci lain yang semestinya dapat dihindarkan darinya seperti : susu, dakwat dan yang serupa dengan keduanya. Kalau air yang tercampur itu berubah sehingga tidak lagi disebut air mutlak (dengan adanya keterangan khusus di bahagian belakang seperti air susu misalnya) maka tidak sah untuk bersuci. Adapun jika air berubah kerana sesuatu yang tidak memungkinkan (sukar) untuk dihindarkan darinya seperti berubahnya air kerana sesuatu yang ada di tempat air tersebut atau tempat mengalirnya atau yang seperti yang sukar menjauhkan air tersebut darinya maka tidak menjejaskannya (boleh digunakan) dan air tersebut tetap suci. Disyaratkan juga air yang digunakan untuk bersuci tidak berubah disebabkan najis walaupun perubahannya hanya sedikit. Jika kadar (kandungan)

---

<sup>15</sup> Tamyiz : mencapai umur sekiranya bila ditanya dapat menjawab dengan benar seperti ditanya ada berapa kali solat fardu dalam sehari, berapa kali kita puasa dalam setahun dan lain-lain.

air tersebut kurang dari dua qullah "قُلَّةٌ", maka disyaratkan tidak terkena najis yang tidak dimaafkan, dan syarat kedua air tersebut tidak mustakmal (telah digunakan) untuk mengangkat hadas atau menghilangkan najis.

Orang yang tidak mendapatkan air atau membahayakan dirinya jika menggunakannya maka dia boleh bertayammum, dengan syarat:

- Bertayammum setelah masuk waktu solat
- Hilangnya najis yang tidak dimaafkan
- Tayammum dilakukan dengan debu tanah yang suci dan bersih. Disapukan pada muka dan kedua tangan secara berurutan dengan melakukan dua tepukan (ke debu tanah) dengan niat supaya diperbolehkan melaksanakan fardu solat. Niat ini dilakukan bersamaan dengan memindahkan tanah dan ketika pertama kali menyapu muka.

(Fasal)

Orang yang batal wuduknya haram baginya melakukan solat, tawaf, membawa mushaf(al-Quran) dan menyentuhnya (dibolehkan membawa dan menyentuhnya bagi anak kecil dengan tujuan mempelajarinya). Diharamkan pula bagi orang yang junub hal-hal yang telah disebut di atas dan membaca al-Quran serta duduk di dalam masjid. Begitu juga wanita yang haid dan nifas tidak boleh melakukan semua yang telah disebutkan di atas dan juga tidak boleh melakukan puasa sebelum haidnya berhenti dan bercumbu (melakukan istimtak [berseronok]) dengan suami atau tuannya (jika perempuan tersebut hamba) pada bahagian di antara pusat dan lutut sebelum dia mandi (ada yang berpendapat tidak diharamkan kecuali bersetubuh saja).

(Fasal)

Di antara syarat-syarat solat iaitu suci dari najis yang ada:

- di badan

- pakaian
- tempat
- dan sesuatu yang dibawa bersamanya (seperti botol yang berada di sakunya).

Jika seseorang terkena najis atau sesuatu yang dibawanya terkena najis maka batal solatnya kecuali jika dia lemparkan seketika itu dan najis tersebut keras atau termasuk najis yang dimaafkan seperti darah dari luka di tubuhnya.

Dan wajib bagi seseorang untuk menghilangkan najis yang tidak dimaafkan dengan membersihkan tempatnya (najis) hingga hilang rasa, warna dan baunya, dengan air yang suci dan menyucikan.

Cara menyucikan najis Hukmiyah adalah dengan menyiramkan air pada tempat yang terkena najis. [Najis hukmiyah adalah najis yang sudah hilang warna, rasa dan baunya].

Dan najis kalbiyyah (kerana jilatan anjing) cara menghilangkannya dengan mencuci sebanyak 7 kali salah satunya dicampur dengan tanah yang suci, dan basuhan air untuk menghilangkan najis yang ada pada tempatnya walaupun berkali-kali dianggap satu kali.

Dan disyaratkan (untuk menghilangkan najis) dengan mengalirkan (bukan dengan meletakkan benda yang terkena najis dalam bekas air) jika airnya sedikit (kurang dari dua qullah).

(Fasal)

Di antara syarat-syarat solat iaitu :

1. Menghadap kiblat.

2. Masuk waktu solat.
3. Islam.
4. Tamyiz (iaitu seorang anak telah sampai pada umur tertentu dimana dia telah mampu memahami percakapan serta menjawab pertanyaan)
5. Mengetahui kefarduan solat tersebut (kewajibannya, jika solat tersebut hukumnya wajib).
6. Tidak meyakini salah satu dari rukun-rukunnya sebagai perkara sunat.
7. Menutup aurat dengan sesuatu yang dapat menutup warna kulit pada seluruh badan bagi perempuan yang merdeka kecuali muka dan kedua telapak tangan dan sesuatu yang menutupi bahagian antara pusat dan lutut bagi lelaki dan hamba perempuan dari semua sudut atau arah kecuali dari bawah.

(Fasal)

Perkara yang membatalkan solat :

1. Bercakap walaupun dengan dua huruf atau satu huruf yang boleh difahami kecuali dalam keadaan lupa dan dengan perkataan yang pendek.
2. Gerakan yang banyak iaitu menurut sebahagian fuqaha gerakan yang lamanya satu rakaat solat. Ada yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan gerakan yang banyak adalah tiga kali gerakan anggota badan secara terus menerus, dan pendapat yang pertama lebih kuat dalilnya.
3. Gerakan yang berlebihan.
4. Menambah satu rukun fi'li.
5. Sekali gerakan dengan tujuan bergurau.
6. Makan dan minum kecuali dalam keadaan lupa dan kadar makanannya sedikit.
7. Berniat untuk memutuskan solat.
8. Berniat memutuskan solat dengan menyandarkan niat (memutus) kepada sesuatu yang lain.
9. Ragu-ragu untuk meneruskan atau memutuskan solat.

10. Berlalu satu rukun disertai keraguan pada niat semasa takbiratul ihram (sudah dilakukan atau belum) atau lamanya waktu keraguan tersebut.

(Fasal)

Di samping syarat-syarat yang telah dijelaskan di atas, agar solatnya diterima oleh Allah subhanahu wa ta'ala, juga disyaratkan bahawa solat yang dilakukan hendaklah diniatkan hanya untuk mendapatkan reda Allah, dan hendaklah makanan, pakaian dan tempat solatnya haruslah yang halal, juga disyaratkan hatinya dalam keadaan khusyuk ketika sedang solat walaupun hanya sebentar. Apabila syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi maka sah solatnya tapi tanpa pahala.

(Fasal)

Rukun – rukun solat itu ada tujuh belas:

1. Berniat dalam hati untuk melakukan solat dan menjelaskan sebabnya atau waktunya (kalau memang solat tersebut memiliki sebab atau waktu tertentu) dan diniatkan fardiahnya (kewajibannya) pada solat fardu.
2. Mengucapkan Allahu Akbar "الله أكبر" (takbiratul ihram) dengan dia sendiri boleh mendengar suaranya sebagaimana hal ini juga dilakukan pada setiap rukun qauli.
3. Berdiri dalam solat fardu bagi yang mampu.
4. Membaca surah al-Fatihah dengan Basmalah dan semua tasydid-tasydidnya dan disyaratkan muwalah (bersambungan, tidak terputus dengan berhenti/diam yang lama misalnya) dan tartib serta mengeluarkan huruf sesuai dengan makhrajnya dan tidak melakukan kesalahan pada bacaan yang sehingga merubah makna seperti mendhammahkan huruf "Ta" pada kalimah (أُنعمت), dan diharamkan melakukan kesalahan bacaan yang tidak merubah makna akan tetapi hal tersebut tidak membatalkan solat.

5. Rukuk dengan membungkukkan badan dengan kedua telapak tangannya bahagian dalam sampai pada kedua lututnya.
6. Thumakninah "الطُّمَأْنِينَةُ" ketika rukuk dengan kadar membaca Subhanallah. Thumakninah adalah diam seluruh sendi tulang (anggota badan) pada posisinya sekaligus (serentak).
7. Iktidal yaitu berdiri tegak setelah rukuk.
8. Thumakninah ketika iktidal.
9. Sujud dua kali iaitu dengan meletakkan dahi semuanya atau sebagiannya pada tempat solat dalam keadaan terbuka dan melakukan penekanan padanya serta menjadikan bahagian bawah (belakang) badannya lebih tinggi dari bahagian atas (depan) nya (التنكيس), meletakkan sebahagian dari kedua lututnya dan bahagian dalam kedua telapak tangannya dan bahagian dalam jari-jari kedua kakinya. Sebahagian ulama di luar mazhab Syaafii mengatakan : "Tidak disyaratkan dalam sujud at-Tankis, maka seandainya kepalanya lebih tinggi dari pada duburnya sah solatnya menurut mereka".
10. Thumakninah dalam sujudnya.
11. Duduk di antara dua sujud.
12. Thumakninah ketika duduk.
13. Duduk untuk tasyahhud akhir dan bacaan sesudahnya iaitu selawat dan salam kepada Nabi.
14. Tasyahhud akhir , iaitu membaca :

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ،  
السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

Ataupun bacaan yang lebih ringkas:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، سَلَامٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، سَلَامٌ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ  
الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

15. Selawat kepada Nabi ﷺ, paling ringkas membaca:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

16. Mengucapkan salam dan paling ringkas membaca:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

17. Tertib (berurutan). Dan jika dia sengaja meninggalkan tertib seperti melakukan sujud sebelum rukuk maka batal solatnya. Dan jika dia lupa maka hendaklah dia kembali ke posisi yang ia lupa kecuali pada posisi tersebut, tetapi jika dalam rakaat lain atau setelahnya maka dia menyempurnakan rakaatnya dan rakaat dimana dia ada yang lupa salah satu gerakan yang tidak dihitung (diabaikan), maka jika dia tidak ingat bahawa dia telah meninggalkan rukuk pada rakaat sesudahnya atau ketika sujud pada rakaat sesudahnya maka gerakan yang ia lakukan antara yang demikian itu diabaikan (tidak dihitung).

(Fasal)

Solat jamaah itu fardu kifayah bagi lelaki yang merdeka, bermukim, baligh dan yang tidak ada uzur, dan pada solat jumaat fardu ain bagi mereka jika ada empat puluh orang yang mukalaf, mustawtin, bertempat tinggal pada bangunan tetap bukan dalam khemah kerana bagi mereka yang sedang berkhemah tidak wajib untuk melakukan solat jumaat. Dan wajib (melakukan solat Jumaat) bagi orang yang berniat untuk menetap (di Balad al-Jumaah) selama empat hari penuh (iaitu selain hari masuk dan hari keluar) dan juga wajib (melakukan solat Jumaat) bagi orang yang mendengar suara azan seorang muazin yang kuat suaranya dari hujung daerah yang berdekatan dengan Balad al-Jumaah.

Dan syarat– syaratnya :

1. Waktu zuhur

2. Dua kali khutbah (di waktu Zuhur) sebelum solat yang didengarkan oleh empat puluh jamaah.
3. Dilakukan dengan cara berjamaah dengan empat puluh orang tersebut.
4. Tidak dilaksanakan solat jumaat lain pada satu daerah. (jika berlaku pelaksanaan dua solat Jumaat) maka jika salah satu di antara keduanya mendahului yang lainnya dalam takbiratul ihramnya solat Jumaat yang sah adalah yang lebih dahulu selesai takbiratul ihramnya dan yang belakang tidak sah, yang demikian ini jika memang memungkinkan mereka berkumpul pada satu tempat (masjid), akan tetapi jika sukar untuk berkumpul pada satu masjid maka keduanya sah iaitu yang lebih dahulu selesai takbiratul ihramnya dan yang terbelakang.

Rukun– rukun dua khutbah:

1. Memuji Allah (حمد الله), dan selawat kepada Nabi, dan berwasiat untuk bertaqwa pada kedua khutbah.
2. Membaca ayat yang boleh difahami pada salah satu dari kedua khutbah.
3. Membaca doa untuk orang-orang mukmin pada khutbah yang kedua.

Dan syarat-syarat dua khutbah :

1. Suci dari dua hadas (besar dan kecil) dan dari najis pada badan, pakaian dan sesuatu yang dibawa.
2. Menutup aurat.
3. Berdiri.
4. Duduk di antara kedua khutbah dan bersambungan antara rukun-rukun keduanya.
5. Bersambungan antara kedua khutbah dengan solat.
6. Kedua khutbah (rukun-rukunnya) disampaikan dalam bahasa Arab.

(Fasal)

Wajib bagi setiap orang yang bermakmum baik pada solat jumaat dan selainnya:

1. Tidak mendahului imam pada kedudukan berdirinya dan ketika mengucapkan takbiratul ihram, bahkan batal kalau dia bersamaan pada waktu membaca takbiratul ihram dan mendahului imam pada selain takbiratul ihram hukumnya makruh kecuali pada bacaan amin.
2. Diharamkan mendahului imam dengan satu rukun fi'li dan batal solat makmum apabila mendahului imam dengan dua rukun fi'li berturut-turut yang panjang atau satu panjang dan yang satu lagi pendek tanpa uzur. Dan begitu juga tertinggal dari gerakan imam sebanyak dua rukun yang berturut-turut tersebut tanpa uzur, atau lebih dari tiga rukun yang panjang walaupun kerana uzur. Maka seandainya seseorang tertinggal kerana masih menyempurnakan bacaan al-fatihah sehingga imam selesai rukuk dan dua sujud lalu imam duduk untuk tasyahhud atau imam berdiri maka makmum harus segera meninggalkan bacaan al-fatihahnya dan menyesuaikan diri dengan posisi imam dan makmum menambah satu rakaat setelah imam salam dan jika dia menyempurnakannya (bacaan al-fatihah) sebelum demikian itu (duduk untuk tasyahhud atau berdiri untuk rakaat berikutnya) maka dia mengerjakan sendiri sesuai tertibnya.
3. Mengetahui pergerakan imam.
4. Harus berkumpul dalam masjid atau jika tidak maka pada jarak tiga ratus hasta (tangan).
5. Tidak terhalang antara keduanya (imam dan makmum) oleh suatu penghalang yang tidak boleh dilalui.
6. Harus sama gerakan solat keduanya, maka tidak sah orang yang melakukan solat fardu (bermakmum) di belakang orang yang sedang solat jenazah.
7. Keduanya tidak berbeza pada gerakan sunat yang perbezaan tersebut dianggap parah, seperti tasyahhud awal; antara melakukan dan meninggalkan bererti jika imam duduk (untuk tasyahhud awal) maka makmum harus duduk dan

jika imam berdiri (tidak melakukan tasyahhud awal kerana lupa) maka makmum harus berdiri mengikuti imam.

8. Niat bermakmum (الاقْتِدَاء) saat takbiratul ihram pada solat jumaat dan sebelum mengikuti (gerakan imam) dan menunggu dalam waktu yang lama pada selainnya. Iaitu sebelum mengikutinya dengan sengaja, maka jika dia mengikuti imam (dengan sengaja) tanpa niat (bermakmum) maka rosaklah solatnya, dan demikian juga kalau dia menunggu sampai lama lalu mengikutinya. Adapun kalau dia mengikutinya kerana kebetulan gerakannya sama tanpa niat (bermakmum) maka tidak batal solatnya. Kesimpulannya, jika dia mengikutinya dengan sengaja (tanpa niat bermakmum) maka solatnya rosak baik dengan menunggu lama atau tidak, adapun jika dia menunggunya lama dan tidak mengikutinya pada rukun fi'li (perbuatan) maka tidak batal solatnya.

Dan wajib bagi imam untuk niat menjadi imam pada solat jumaat dan solat berulang (المعاداة), adapun pada selain keduanya hal tersebut hanya disunatkan. Yang dimaksudkan dengan solat berulang adalah solat yang dikerjakan untuk kali kedua setelah dia solat berjamaah atau sendirian jika dia mendapati ada seseorang yang hendak solat kemudian dia solat bersamanya agar orang tersebut juga mendapatkan fadlilah solat berjamaah.

#### (Fasal)

Memandikan mayat, mengkafkannya, solat keatasnya, dan mengkebumikannya adalah fardu kifayah jika mayat tersebut muslim dan dilahirkan dalam keadaan hidup, dan juga fardu kifayah mengkafkan dan mengkebumikan mayat kafir dzimmi.

Adapun bayi yang lahir kerana keguguran dan meninggal wajib dimandikan, dikafkan, dikebumikan, keduanya (Dzimmi dan bayi yang meninggal kerana keguguran) tidak disembahyangkan.

Dan barangsiapa yang mati dalam peperangan melawan orang kafir maka dia dikafankan dengan pakaian yang dia kenakan, jika tidak mencukupi maka ditambah dengan kain kafan lalu dikebumikan, tidak dimandikan dan tidak disolatkan.

Cara memandikan paling ringkas adalah: menghilangkan najis dan meratakan air pada seluruh badan dan rambut meskipun rambutnya lebat cukup sekali dengan air yang suci.

Cara mengkafani paling ringkas adalah : menutupi semua badan dan tiga lapis kain bagi orang yang mempunyai harta peninggalan yang lebih dari hutangnya dan dia tidak berwasiat untuk tidak dikafani dengan tiga lapis kain.

Cara sembahyangkannya paling ringkas adalah: niat solat keatasnya, niat fardliyahnya, menentukan mayatnya (yang disolat) walaupun hanya dengan isyarat dalam hati dan dengan mengucapkan : الله أكبر dalam keadaan berdiri jika dia mampu, kemudian membaca al-fatihah, kemudian membaca : الله أكبر kemudian membaca اللهم صلّ على مُحَمَّدٍ kemudian membaca : الله أكبر kemudian membaca اللهم اغفرْ لَهُ وارْحَمْهُ followed by salam : السلام عليكم. Dalam solat jenazah ini mesti juga dipenuhi semua syarat-syarat solat dan ditinggalkan hal-hal membatalkannya.

Cara mengebumikannya paling ringkas adalah: menggali lubang yang sekiranya dapat membunyikan baunya dan menjaganya dari binatang buas. Disunatkan mendalamkan lubang kubur seukuran tinggi orang berdiri sambil mengangkat tangannya ke atas dan meluaskannya. Dan wajib menghadapkannya kearah kiblat dan tidak dibolehkan memakamkannya dalam fisqiyah [laci mayat].

# Bab III

## ☪ ZAKAT ☪

(Fasal)

Hal-hal yang wajib dikeluarkan zakatnya adalah:

1. Unta
2. Lembu
3. Kambing
4. Kurma
5. Zabib (anggur kering)
6. Tanaman pertanian yang dijadikan makanan asasi dalam keadaan tidak terpaksa.
7. Emas
8. Perak
9. Ma'din "المعدن" (emas dan perak dikeluarkan dari perut bumi)
10. Rikaz dari keduanya (emas dan perak yang ditanam sebelum Rasul ﷺ diutuskan dan tertera nama raja pada zaman itu)
11. Harta Perniagaan
12. Zakat Fitrah

- Awal nisab unta adalah lima ekor.
- Lembu adalah tiga puluh ekor.
- Dan kambing adalah empat puluh ekor.

Maka tidak wajib zakat sebelum sampai nisab tersebut dan mencapai haul (satu tahun pemilikan) setelah mencapai pada nisab. Disyaratkan juga harus digembala di padang rumput yang tidak ada pemiliknya iaitu digembala oleh

tuannya atau orang yang diberi izin untuk menggembalakan atau di padang rumput yang tidak ada pemiliknya, dan adalah binatang itu tidak dipergunakan untuk bekerja seperti dipergunakan untuk membajak sawah, bererti binatang yang dipergunakan untuk bekerja tidak diwajibkan zakat.

Setiap lima ekor unta wajib dikeluarkan zakatnya dengan satu ekor kambing. Dan setiap empat puluh ekor kambing dikeluarkan zakatnya berupa satu ekor kambing jantan [جَدْعَةٌ ضَانٌ] umur satu tahun atau satu ekor kambing betina [تَنْبِيَّةٌ مَعَزٌ] umur dua tahun. Zakat dari tiga puluh ekor lembu adalah seekor anak lembu jantan [تَبِيْعٌ ذَكَرٌ] .

Kemudian apabila bertambah jumlah binatang tersebut, maka bertambah pula kewajiban zakatnya, maka seseorang wajib mempelajari kadar tertentu yang diwajibkan oleh Allah Taala.

Adapun kurma, anggur dan tanaman (yang menjadi bahan makanan asasi), permulaan nisabnya adalah lima awsaq "أَوْسُقٌ" atau tiga ratus sha'<sup>16</sup> "صَاعٌ" dengan ukuran sha'nya Rasulullah ﷺ, ukurannya terdapat di Hijaz.

Dalam menghitung nisab tanaman, hasil sesuatu tuaian digabungkan dengan hasil pada tuaian yang lainnya dalam tempoh waktu satu tahun (meskipun hasil masing-masing tuaian tidak mencapai nisab namun jika hitungan digabung semuanya mencapai nisab maka wajib dikeluarkan zakatnya). Penggabungan ini disyaratkan terjadi pada tanaman yang sejenis (misalnya antara gandum dengan gandum), bukan pada tanaman yang berlainan jenis (misalnya antara gandum dengan hinthah "الحنطة").

Zakat tanaman wajib dikeluarkan apabila telah nampak sudah dapat dimakan, oleh itu tidak ada kewajiban zakat apabila tanaman tersebut belum dapat

---

<sup>16</sup> 1 Sha' = 1650 gram. 300 Sha' = 495 kg. [anggaran]

dimakan, misalnya anggur yang masih masam atau kurma yang mentah. Dan disyaratkan biji tanaman sudah mengeras.

Zakat pada tanaman, bila dalam pengairannya tidak menggunakan alat atau enjin adalah sebanyak 10%, namun bila menggunakan alat atau enjin untuk pengairan adalah sebanyak 5%. Jumlah zakat yang dikeluarkan akan bertambah apabila jumlah hasil tuaiannya bertambah. Tanaman yang tidak mencapai satu nisab tidak wajib dikeluarkan zakat kecuali apabila pemiliknya hendak bersedekah (sunnat).

Nisab emas adalah 20 Misqal<sup>17</sup> "مئقال". Manakala nisab perak adalah 200 Dirham<sup>18</sup>.

Zakat yang wajib dikeluarkan dari keduanya adalah 2.5%, semakin bertambah beratnya maka bertambah pula zakatnya. Keduanya wajib zakat apabila telah mencapai haul, kecuali pada ma'din dan harta terpendam (Rikaz), wajib dikeluarkan zakatnya seketika itu juga (tanpa menunggu haul). Dan zakat harta terpendam sebanyak 20%.

Zakat harta perniagaan, nisabnya dihitung seperti nisab emas atau perak, begitu juga zakat yang diwajibkan dihitung seperti pada zakat emas dan perak iaitu 2.5%. Pada harta perniagaan nisab dihitung di akhir tahun perniagaan. Bila pada akhir tahun jumlah harta mencapai nisab maka wajib di keluarkan zakat, bila di akhir tahun hartanya tidak mencapai nisab maka tidak diwajibkan zakat.

Harta pensyarikatan/kongsi (oleh dua orang atau lebih), nisabnya ditentukan seperti pada harta milik peribadi (satu orang), dan zakatnya dikeluarkan juga seperti pada harta peribadi. Ini apabila pensyarikatan tersebut memenuhi syarat-syarat pensyarikatan dalam syarak.

---

<sup>17</sup> 20 Misqal = 84.875 gram emas murni / 24 karat. [anggaran]

<sup>18</sup> 200 Dirham = 594.125 gram perak murni. [anggaran]

Zakat fitrah wajib dikeluarkan apabila seseorang hidup disebahagian dari bulan Ramadhan dan sebahagian dari bulan Syawal. Zakat fitrah ini wajib dikeluarkan oleh setiap muslim untuk dirinya sendiri dan mereka yang menjadi tanggungan (nafkah) nya, sekiranya mereka seorang muslim. Kadar zakat fitrah yang wajib dikeluarkan bagi setiap individu adalah sebanyak 1 sha'<sup>19</sup> "صاع", dari bahan makanan asasi di daerahnya. Hal ini diwajibkan apabila seorang muslim tersebut mempunyai harta yang lebih dari keperluannya untuk membayar hutang, pakaian, tempat tinggal serta keperluan makanan bagi dirinya dan orang yang menjadi tanggungannya pada hari raya dan malamnya.

Diwajibkan niat dalam keseluruhan jenis zakat, iaitu pada saat memisahkan kadar harta benda yang akan dijadikan sebagai zakat.

Zakat tersebut wajib dibahagikan kepada orang yang termasuk dalam 8 golongan berikut<sup>20</sup>:

1. Fakir
2. Miskin
3. Amil Zakat
4. Muallaf
5. Hamba
6. Gharim, iaitu orang yang mempunyai hutang dan tidak mampu membayarnya
7. Sabilillah, iaitu orang yang berperang di jalan Allah dan dia tidak digaji dari pekerjaannya itu (sukarelawan jihad). Bukan yang dimaksud fi sabilillah dalam hal ini adalah setiap amal yang baik.

---

<sup>19</sup> 1 Sha' = 1650 gram, 1 Mud = 412.5 gram. 4 Mud = 1 Sha'

<sup>20</sup> ﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ﴾ [at-Taubah]

8. Ibnu sabil, yaitu musafir yang tidak mempunyai bekal untuk sampai pada tujuannya. Tidak boleh dan tidak sah memberikan zakat pada selain dari 8 golongan tersebut diatas.

# BAB IV

## ∞ PUASA ∞

(Fasal)

Setiap muslim mukalaf wajib berpuasa di bulan Ramadhan. Adapun orang yang sedang haid atau nifas, puasanya tidak sah dan keduanya wajib mengqada puasa yang mereka tinggalkan.

Bagi musafir (yang dalam perjalanan yang mencapai jarak qashar "قصر"), dia boleh berbuka (tidak berpuasa) walaupun perjalanan tersebut tidak memberatkannya, demikian juga bagi orang yang sakit, hamil atau menyusui yang merasa berat dan sulit apabila dia berpuasa, boleh berbuka tapi wajib mengqada puasanya.

Diwajibkan bagi orang yang berpuasa supaya berniat setiap hari. Niat tersebut wajib dilakukan pada malam hari<sup>21</sup> dan wajib dijelaskan niatnya. Orang yang berpuasa wajib menahan dari:

1. Melakukan jimak.
2. Istimnak / Onani (mengeluarkan mani dengan tangan misalnya).
3. Muntah dengan sengaja.
4. Murtad.
5. Memasukkan sesuatu sampai ke dalam kerongkong kecuali air liur yang suci.
6. Tidak gila, walaupun sebentar.
7. Tidak pengsan selama satu hari penuh. Tidak sah puasa yang dilakukan pada dua hari raya (Aidil Fitri dan Aidil Adha), hari tasyriq (11, 12, 13 Zulhijjah), separuh terakhir dari bulan syaaban, pada hari syak (30 syaaban), kecuali

---

<sup>21</sup> Waktu niat bermula dari terbenamnya matahari sehingga naik fajar sadiq.

apabila orang tersebut menyambung puasa yang dia biasa lakukan dengan hari-hari sebelumnya, atau kerana puasa qada atau nazar atau puasa yang biasa dia lakukan (seperti puasa isnin dan kamis)

Orang yang membatalkan puasanya pada bulan Ramadhan tanpa ada rukhsah "رخصة" (kelonggaran yang diberikan dalam syarak) dengan melakukan jimak, maka dia berdosa dan harus mengqada puasa tersebut dengan segera setelah Aidil Fitri serta diwajibkan kepadanya membayar kaffarah (seperti kaffarah Zhihar), iaitu: memerdekakan hamba, apabila dia tidak mampu maka berpuasa dua bulan berturut-turut apabila dia tidak mampu maka dia harus memberi makan 60 orang miskin, masing-masing sebanyak satu mud gandum atau makanan asasi di daerah tersebut. Satu mud adalah bersamaan dua telapak tangan orang yang berbadan sederhana.

# BAB V

## ∞ HAJI ∞

(Fasal)

Kewajipan haji dan umrah adalah sekali seumur hidup bagi seorang muslim, merdeka, mukalaf, yang memiliki harta yang cukup untuk perjalanan ke sana dan kembali lagi ke tanah airnya, lebih dari keperluannya untuk membayar hutang, keperluan tempat tinggal, pakaian yang layak dan nafkah bagi yang wajib dia nafkahkan, selama pemergiannya sampai kepulangannya dari tanah suci.

Rukun Haji ada enam:

1. Ihram, iaitu berniat dalam hati dengan mengatakan: "Saya berniat (mulai) melaksanakan ibadah haji atau umrah".
2. Wuquf di Arafah, (waktunya adalah antara tergelincirnya matahari pada hari Arafah iaitu pada tanggal 9 Zulhijjah sampai terbitnya fajar malam hari raya Aidul Adha).
3. Thawaf di Baitullah.
4. Sa'ie antara bukit Sofa dan bukit Marwah tujuh kali dari 'aqd"العقد" ke 'aqd.
5. Memotong sebahagian atau seluruh rambut.
6. Tertib dalam sebahagian besar rukunnya. Adapun yang merupakan rukun ibadah umrah adalah yang tersebut di atas kecuali wukuf di Arafah. Dan tiap-tiap rukun ini mempunyai tuntunan, kewajipan dan syarat-syarat tersendiri yang harus dipenuhi.

Dalam pelaksanaan tawaf disyaratkan menempuh jarak yang dimulai dari hajar aswad menuju kembali ke hajar aswad sebanyak tujuh kali putaran, dan

disyaratkan pula untuk menutup aurat, suci dari hadas besar dan hadas kecil, serta menempatkan kaabah di sebelah kiri kita, tidak menghadap atau membelakanginya.

Diharamkan bagi orang yang sedang ihram:

1. Memakai wangi-wangian.
  2. Menyapu rambut atau janggut dengan minyak, lemak (yang sudah mencair) atau lilin yang berasal dari sarang lebah madu yang sudah cair.
  3. Memotong kuku atau rambut.
  4. Jimak (termasuk pula hal-hal yang merupakan permulaan jimak, seperti berciuman).
  5. Melakukan akad nikah.
  6. Berburu binatang darat yang boleh dimakan dan buas.
  7. Bagi lelaki dilarang menutup kepalanya atau memakai pakaian yang menutupi seperti yang dijahit atau sejenisnya.
  8. Bagi wanita dilarang menutup muka dan memakai sarung tangan.
- Barangsiapa mengerjakan salah satu dari hal hal yang diharamkan ini maka dia berdosa dan harus membayar fidyah. Adapun orang yang merosakkan ibadah hajinya dengan jimak, maka selain berdosa dan membayar fidyah hajinya juga rosak dan dia wajib mengqada sesegera mungkin dan menyempurnakan ibadah hajinya (yang rosak tersebut). Jadi orang yang merosakkan hajinya dengan jimak dia tetap kena meneruskan ibadahnya (tidak boleh memutuskannya) dan pada tahun berikutnya dia mempunyai kewajipan untuk mengqadaknya kembali.

Wajib haji adalah:

1. Ihram dari miqot, iaitu tempat yang telah ditentukan oleh Rasulullah ﷺ untuk memulakan ihram, seperti tempat yang bernama Dzul Hulaifah sebagai miqat bagi penduduk Madinah dan orang-orang yang melalui dari daerah ini.

2. Bermalam di Muzdalifah ketika haji menurut satu pendapat, dalam pendapat yang lain tidak wajib.
3. Bermalam di Mina menurut satu pendapat, dalam pendapat yang lain tidak wajib.
4. Melontar jamrah aqabah pada hari raya kurban (10 Dzulhijjah).
5. Melontar tiga jamrah (Jamrah Ula, Jamrah Wustha dan Jamrah Aqabah) pada hari tasyriq (11, 12, 13 Dzulhijjah).
6. Thawaf widak menurut satu pendapat dalam madzhab Syafii.

Orang yang tidak melaksanakan keenam perkara ini (wajib haji), tidak rusak ibadah hajinya, tetapi dia berdosa dan harus membayar fidyah. Berbeza dengan rukun-rukun yang telah disebutkan sebelumnya, orang yang tidak melaksanakannya (sekalipun satu rukun) maka hajinya tidak sah dan orang yang meninggalkannya tidak boleh menggantikannya dengan dam; denda iaitu berupa menyembelih seekor kambing.

Diharamkan berburu binatang dan memotong pohon pokok didua tanah haram baik bagi orang yang sedang melaksanakan ibadah haji atau tidak. Jika hal ini dilakukan di Mekah maka wajib membayar fidyah, berbeza jika dilakukan di Madinah maka tidak wajib membayar fidyah. Tanah haram Madinah adalah yang ada di antara bukit 'Ayr"عير" dan bukit Tsawr"ثور".

# BAB VI

## ❧ MUAMALAT ❧

(Fasal)

Diwajibkan bagi setiap muslim mukalaf (baligh, berakal dan telah sampai padanya dakwah Islam) untuk tidak melakukan sesuatu apapun sebelum mengetahui apa yang dihalalkan dan yang diharamkan Allah berkaitan dengan hal tersebut, kerana Allah telah membebankan kepada kita beberapa perkara, maka wajib bagi kita untuk memenuhi apa yang telah dibebankan.

Allah telah menghalalkan jual beli (البيع) dan mengharamkan riba. Jual beli yang dihalalkan oleh Syariat Islam telah dibatasi dengan Al at-Ta'rif "آلة التعريف" (al yang menjadikan suatu kata menjadi ma'rifah), yang bererti jual beli tertentu, kerana (bentuk-bentuk) jual beli tidaklah sah seluruhnya kecuali jual beli yang memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukunnya, kerana itulah wajib dipenuhi tuntunan tersebut.

Maka bagi orang yang hendak melakukan urusan jual beli dia harus mempelajari ilmu tentang jual beli kerana jika tidak, berkemungkinan dia akan termakan riba. Rasulullah ﷺ bersabda:

"التَّاجِرُ الصَّدُوقُ يُحْشَرُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ"

[رواه الترمذي وصححه]

Maknanya: "Peniaga yang jujur kelak akan dikumpulkan di hari kiamat dengan para nabi, para siddiqin dan orang-orang yang mati syahid".

Kedudukan yang tinggi tersebut tidaklah dia dapat melainkan kerana kesungguhannya dalam mengekang jiwa dan nafsunya untuk menjalankan urusan (akad) sesuai dengan kehendak syarak. Kerana jika tidak, tunggulah ancaman Allah bagi mereka yang melampaui batas (yang telah ditetapkan oleh syariat). Kemudian akad-akad lainnya seperti akad al-Ijarah "الإجارة" (sewa menyewa), al-Qiradh "القراض" (bagi hasil[mudharabah]), al-Rahn "الرهن" (penggadaian), al-Wakalah "الوكالة" (perwakilan), al-Wadiah "الوديعة" (penyimpanan), al-Ariyah "العارية" (pinjam meminjam), asy-Syarikah "الشركة" (pensyarikatan/ rakan kongsi) dan al-Musaqah "المساقاة" (pajakan tanaman dengan menyiram) juga harus dipenuhi syarat-syarat dan rukun-rukunnya.

Akad nikah memerlukan perhatian dan penilitian yang lebih agar terhindar dari unsur-unsur yang merosakkan dalam hal tersebut. Al-Quran telah mengisyaratkan akan pentingnya hal tersebut, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ ﴿٦٦﴾

[سورة التحريم]

Maknanya: "Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah dari manusia dan batu".

Al Imam Atha' رحمته berkata (dalam penafsiran ayat di atas): "iaitu dengan belajar bagaimana cara mengerjakan solat, puasa, jual beli, nikah dan thalaq".<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> Diriwayatkan oleh al Khathib al Baghdadi dalam kitabnya al-Faqih wa al-Mutafaqqih (1/13).

# BAB VII

## ∞ RIBA ∞

(Fasal)

Riba hukumnya haram, baik melakukannya, memakannya, mengambil (harta) nya, mencatatnya dan menjadi saksinya.

Riba adalah:

- Jual beli salah satu dari an-naqdayn "النقدين" dengan yang lain (emas dengan perak) dengan penundaan penyerahan salah satunya. Yang dimaksudkan dengan an-naqdayn adalah emas dan perak, baik yang berbentuk mata wang atau kepingan, atau perhiasan dan atau masih dalam bentuk aslinya berupa butir-butir kecil (الثَّيْرُ).
- Atau akad jual beli (emas dengan perak) dengan tanpa serah terima pada saat yang sama. Ertinya dua orang yang bertransaksi (dalam jual beli emas atau perak tersebut) berpisah sebelum adanya serah terima.
- Atau melakukan akad jual beli antara jenis yang sama, emas dengan emas atau perak dengan perak, tapi dengan penundaan penyerahan dari salah satu keduanya (pihak penjual dan pembeli), atau dengan adanya perpisahan antara penjual dan pembeli sebelum saling serah terima dua barang tersebut.
- Atau membuat akad dalam urusan jual beli emas dengan emas atau perak dengan perak dengan adanya tambahan timbangan pada salah satu dari keduanya.
- Demikian juga riba berlaku dalam jual beli makanan, ertinya haram jual beli makanan dengan makanan lain yang berlainan jenis, seperti jual beli qamh "القمح" dengan sya'ir "الشعير" kecuali jika memenuhi dua syarat; [iaitu tidak menyebutkan waktu penundaan dalam penyerahan, dan antara pembeli dan penjual tidak

berpisah sebelum saling serah terima]. Juga berlaku riba dalam jual beli makanan dengan makanan lain yang sama jenisnya, seperti jual beli burr "البُر" dengan burr [dari jenis yang sama] kecuali dengan dua syarat yang disebutkan di atas dan satu syarat lagi, sama dalam timbangannya. Kerana itulah haram jual beli sya'ir dengan sya'ir, kecuali apabila dengan: "tukaran yang sama, tidak dengan penundaan penyerahan, dan saling serah terima sebelum berpisah".

- Haram menjual barang yang belum dia terima (dalam pemilikannya).
- Atau menjual daging dengan haiwan.
- Atau jual beli hutang dengan hutang, seperti apabila si Zaid berhutang kepada seseorang, kemudian orang tersebut menjual hutang (hartanya yang berupa hutang di Zaid) tersebut kepada Umar (kerana dia berhutang kepada Umar) dengan harga yang bertempoh sampai satu bulan misalnya.
- Atau menjual sesuatu yang bukan miliknya. Ertinya menjual sesuatu yang bukan miliknya atau sesuatu yang tidak diwakilkan kepadanya untuk menjualnya.
- Atau menjual sesuatu yang tidak kelihatan. Dalam satu pendapat imam Syaafii menyatakan boleh jika disebutkan sifat-sifatnya.
- Tidak sah urusan jual beli yang dilakukan oleh orang yang tidak mukalaf. Maka tidak sah jual beli orang gila atau anak kecil. Dalam mazhab imam Ahmad sah jual beli oleh anak kecil yang sudah mencapai tamyiz.
- Atau jual beli barang yang tidak mampu untuk diserahkan.
- Atau jual beli sesuatu yang tidak ada manfaatnya.
- Menurut sebahagian ulama tidak sah jual beli tanpa menyebutkan sighthah "صيغة" akad (ijab dan qabul), menurut sebahagian ulama lainnya sah dengan taradli "التراضي" (saling reda meredai) walaupun tanpa menyebut sighthah akad.
- Jual beli sesuatu yang tidak masuk dalam kepemilikannya, seperti menjual beli orang merdeka dan tanah yang tidak bertuan.
- Jual beli benda yang majhul "المجهول" (barang yang tidak diketahui).
- Jual beli benda najis, seperti darah.
- Jual beli setiap benda yang memabukkan.
- Jual beli benda yang diharamkan, seperti thunbur "الطنبور" (alat muzik yang sejenis dengan gitar),

- Juga haram jual beli benda yang halal dan suci kepada orang yang diketahui akan menggunakan benda tersebut untuk kemaksiatan, seperti menjual anggur kepada orang yang akan membuat khamr "الخمير" [arak], atau menjual senjata kepada orang yang akan menyakiti orang lain.
- Jual beli benda-benda yang memabukkan.
- Menjual benda yang ada kecacatan tanpa memberitahu kecacatannya.

[Faedah]

Tidak sah membahagi harta peninggalan si mati dan menjual belikannya sebelum dilunas segala hutangnya, dilaksanakan wasiatnya dan dikeluarkan kos haji dan umrahnya jika si mati memiliki kewajiban untuk melaksanakannya, kecuali apabila harta peninggalannya dijual dengan tujuan untuk menyelesaikan hal-hal tersebut di atas. Jadi harta peninggalan si mati itu seperti halnya harta yang digadaikan (مرهون), ertinya harta tersebut ditahan oleh hal-hal tersebut dan belum boleh dibahagi, seperti halnya seorang budak yang mencuri sekalipun bernilai 1/6 dirham, maka budak tersebut tidak boleh dijual (oleh tuannya) hingga dipenuhi tanggungannya (dengan dikembalikan barang yang dicurinya) atau meminta izin dari pemilik harta yang dicuri untuk dijual (budak tersebut).

Haram hukumnya melemahkan minat<sup>23</sup> pembeli atau penjual selepas dipersetujui harga untuk dijual kepadanya atau untuk dibeli daripadanya, dan sekiranya dilakukan pada saat telah terjadinya akad (dalam tempoh khiyar) antara penjual dan pembeli adalah lebih parah.

Juga haram membeli makanan asasi pada waktu mahal harganya dan sangat diperlukan masyarakat untuk dikumpul lalu dijual dengan harga yang lebih

---

<sup>23</sup> Contohnya seseorang (si A) melemahkan minat beli seorang pembeli (si B) setelah adanya kesepakatan harga antara dia (si B) dengan penjual, agar orang pertama (si A) dapat membeli barang tersebut. Atau melemahkan minat penjual saat hendak menjual barangnya kepada si B dengan harga yang sudah disepakati mereka berdua, agar penjual menjual barangnya tersebut kepada si A. Terlebih lagi bila perbuatan "melemahkan minat" ini dilakukan pada saat telah terjadinya akad (dalam tempoh khiyar) antara penjual dan pembeli.

mahal, juga haram menambah harga barang untuk menipu (النجش). Haram memisahkan hamba perempuan dengan anaknya yang masih belum tamyiz, menipu dan berkhianat (saat jual beli) dalam membuat tukaran, menimbang barang, mengukur dengan hasta dan menghitung dengan bilangan, dan atau juga berbuat bohong. Diharamkan juga menjual kapas atau barang dagangan lainnya dengan harga lebih tinggi dengan sebab memberikan pinjaman hutang kepada pembeli (kapas) tersebut, atau juga memberikan hutang kepada penjahit atau pegawai buruh lainnya kemudian dipaksa bekerja dengan gaji di bawah bayaran biasa kerana sebab hutang tersebut, ertinya jika si pemberi hutang mensyaratkan hal tersebut urusan ini disebut dengan ar-Rabthah [الربطة], atau memberikan hutang kepada para petani sampai waktu tuaian datang, kemudian para petani tersebut menjual hasil tuaian itu kepada si pemberi hutang dengan harga yang lebih rendah atau murah sedikit kerana hutang tersebut. (pelakuan seperti ini disebut dengan al-Maqdhiyy [المقضي]).

Demikian juga bentuk-bentuk urusan yang dilakukan orang-orang sekarang, kebanyakan tidak menghiraukan peraturan-peraturan syariat.

Maka bagi orang yang mengharapkan reda Allah dan keselamatan agama dan dunianya hendaklah dia mempelajari apa yang dihalalkan dan apa yang diharamkan daripada orang yang Alim (عالم) [mengetahui ilmu-ilmu agama], Warak (ورع) [menjaga diri dari hal-hal yang haram], Naasih (ناصح) [yang sering memberi nasihat] dan syafiq (شفيق) [penyayang] kepada agamanya kerana sesungguhnya mencari harta yang halal menjadi kewajipan kepada setiap muslim.

(Fasal)

Seseorang yang berkemampuan wajib memberi nafkah orang-orang tuanya yang tidak mampu (fakir), sekalipun orang-orang tuanya tersebut mampu bekerja. Juga wajib bagi orang tersebut memberi nafkah anak - anak cucunya

yang menghadapi kesulitan dan tidak mampu mencari nafkah mereka sendiri, baik kerana mereka masih kecil atau kerana penyakit yang dideritanya yang menyebabkan mereka tidak mampu bekerja.

Wajib atas seorang suami memberi nafkah dan mahar (mas kawin) kepada isterinya, dan wajib atasnya memberi mut'ah "مُتْعَةٌ" untuk isteri yang ditalaknya. Mut'ah adalah harta yang diberikan kepada isteri yang ditalak tanpa sebab dari pihak isteri.

Wajib atas pemilik hamba sahaya atau pemilik binatang-binatang ternak untuk memberi nafkah mereka semua, dan tidak membebankan mereka pekerjaan yang di luar kemampuan mereka, juga tidak boleh memukul mereka tanpa hak.

Wajib bagi seorang isteri taat kepada suaminya berkaitan dengan dirinya kecuali dalam hal yang tidak dihalalkan. Seorang isteri tidak boleh melakukan puasa sunat dan tidak boleh keluar dari rumah tanpa dengan izin suaminya.

# BAB VIII

## ﴿ KEWAJIPAN-KEWAJIPAN HATI ﴾

(Fasal)

Diantara kewajiban-kewajipan hati adalah: beriman kepada Allah, dan beriman kepada segala apa yang datang dari Allah, beriman kepada Rasulullah ﷺ dan beriman kepada segala apa yang datang dari Rasulullah ﷺ.

Dan ikhlas: ertinya adalah melakukan ketaatan samata-mata hanya kerana Allah. Menyesal atas maksiat yang telah dilakukannya. Tawakkal kepada Allah. Muraqabah "مراقبة" lillah (merasa bahawa Allah selalu mengetahui segala perbuatannya). Reda atas takdir Allah dalam erti berserah diri kepada-Nya dan tidak membangkang (الاعتراض) kepada-Nya, mengagungkan ajaran-ajaran-Nya, bersyukur atas nikmat "نعمة" yang telah dikaruniakan Allah kepadanya (dalam pengertian tidak menggunakan pemberian Allah tersebut dalam kemaksiatan), Sabar dalam menjalankan perintah dan meninggalkan larangan (hal-hal yang diharamkan) oleh Allah, juga sabar terhadap musibah yang ditimpakan oleh Allah kepadanya, membenci syaitan, membenci perbuatan maksiat, mencintai Allah, al-Quran, Rasulullah ﷺ, sahabat-sahabat Rasulullah ﷺ, berserta keluarganya dan orang-orang soleh.

## MAKSIAT ANGGOTA BADAN

(Fasal)

Maksiat Hati

Di antara maksiat hati adalah:

- Riyak "الرياء" dalam beramal kebaikan, ertinya berbuat kebaikan kerana manusia, agar dapat pujian dari manusia. Perbuatan riyak ini dapat menghilangkan pahala kebaikan yang dilakukannya.
- Ujub "العجب" dalam berbuat ketaatan, ertinya menganggap bahawa ibadah yang dia kerjakan adalah hasil dari usahanya melupakan bahawa itu adalah kurniaan dari Allah.
- Ragu akan adanya Allah.
- Merasa aman dari siksaan dan ancaman Allah atau putus asa dari rahmat Allah.
- Sombong kepada manusia, ertinya menolak kebenaran dari orang lain dan memandang rendah manusia.
- Dengki "الحقد", iaitu menyimpan rasa permusuhan yang disertai dengan usaha untuk mewujudkannya serta dia sendiri tidak membenci perasaan hatinya tersebut.
- Iri hati "الحسد", ertinya membenci kenikmatan yang diraih oleh seorang muslim dan merasa berat dengannya yang disertai dengan usaha untuk menyalahkan kenikmatan tersebut darinya.
- Mengungkit-ungkit sedekah yang dia berikan kepada orang lain, perbuatan ini menyalahkan pahala sedekahnya, seperti dia berkata kepada orang yang telah menerima sedekahnya: "Bukankah aku telah telah memberi kepadamu itu dan ini pada hari sekian?".
- Berterusan dalam berbuat dosa.
- Berburuk sangka kepada Allah dan hamba-hamba-Nya.

- Mendustakan (tidak mempercayai adanya) ketentuan (qadar) Allah.
- Gembira dengan maksiat yang dia kerjakan atau yang dikerjakan orang lain.
- Berkhianat sekalipun kepada orang kafir; seperti berjanji akan melindungi orang kafir tersebut tapi kemudian ia membunuhnya.
- Melakukan makar (المكر), yaitu menjatuhkan orang muslim dalam kecelakaan dengan cara tersembunyi atau tipu muslihat.
- Membenci sahabat-sahabat Rasulullah ﷺ, keluarganya dan orang-orang soleh.
- Bakhil (البخل) dalam hal yang diwajibkan Allah, Kikir (الشُّح) (lebih teruk dari bakhil) dan tamak (الحرص).
- Meremehkan atau menganggap rendah kedudukan sesuatu yang diagungkan atau digambarkan keburukan dan kepedihannya oleh Allah, seperti perbuatan taat, perbuatan maksiat (seperti meremehkan ancaman yang dijanjikan oleh bagi mereka yang berbuat maksiat), al-Quran, ilmu agama, syurga dan neraka.

(Fasal)

### Maksiat Perut

Di antara maksiat perut adalah:

- Makan harta riba.
- Makan cukai.
- Ghasab (الغصب), iaitu mengambil hak milik orang lain dengan paksaan.
- Mencuri (mengambil harta orang dengan cara sembunyi), dan setiap harta yang dihasilkan dari urusan yang diharamkan oleh syarak.
- Minum Arak (الخمير), pesalahnya dihukum dengan di sebat sebanyak 40 kali, jika pesalahnya adalah seorang yang merdeka, dan setengahnya (20 kali sebatan) jika hamba sahaya. Dan boleh bagi khalifah menambah hukuman tersebut berdasarkan kemaslahatan yang dilihatnya.

- Makan barang-barang yang memabukkan, barang najis dan mustaqdzar (tidak najis tetapi menjijikkan seperti hingus, air ludah dan seumpamanya).
- Makan harta anak yatim atau harta wakaf dengan menyalahi apa yang telah disyaratkan oleh orang yang mewakafkannya.
- Menerima pemberian orang lain yang diberikan kepadanya kerana rasa malu dan tidak ikhlas dalam memberikannya.

(Fasal)

### Maksiat Mata

Di antara maksiat mata adalah:

- Melihat perempuan ajnabiyah (bukan mahramnya) ke muka dan dua telapak tangannya dengan syahwat, atau melihat kepada selain muka dan dua telapak tangannya sekalipun tanpa syahwat.
- Demikian juga sebaliknya, perempuan melihat lelaki yang bukan mahramnya kepada apa yang ada di antara pusat dan lututnya.
- Tidak haram bagi perempuan tersebut melihat kepada yang selain antara pusat dan lutut dengan tanpa syahwat. Haram juga melihat aurat (sekalipun sesama jenis).
- Haram bagi lelaki dan perempuan membuka dua aurat besarnya (Qubul dan Dubur) di tempat yang sunyi dengan tanpa ada hajat.
- Boleh (Halal) bagi seseorang dengan mahramnya atau sesama jenis melihat kepada selain antara pusat dan lutut dengan tanpa syahwat.
- Haram memandang hina atau rendah terhadap seorang muslim.
- Haram melihat isi rumah orang lain tanpa izin tuan rumah, atau melihat sesuatu yang disembunyikannya.

(Fasal)  
Maksiat Lidah

Di antara maksiat lidah adalah:

- Ghibah (الغيبية), iaitu apabila engkau menyebut-nyebut sesama saudara muslim dengan sesuatu yang ia membencinya (untuk diceritakan kepada orang) diantara apa yang ada pada diri orang tersebut di belakangnya.
- Namimah (النميمة), iaitu menyebarkan isu atau propaganda permusuhan (provokasi).
- Tahrisy (التحريش), iaitu provokasi dengan tanpa ucapan, sekalipun antara binatang.
- Berbohong (الكذب), iaitu percakapan yang tidak sama dengan kenyataan.
- Sumpah palsu.
- Mengucapkan kalimat-kalimat yang mengandung qadzaf (القذف), kalimat qadzaf ini sangat banyak sekali, antaranya tuduhan kepada seseorang atau salah seorang kerabatnya dengan perbuatan zina, baik dengan kata-kata yang sorih (صريح) iaitu jelas secara mutlak (dengan atau tanpa niat) atau dengan kata-kata kinayah (كناية) iaitu sindiran yang disertai dengan niat tuduhan. Pesalahnya (jika orang merdeka) dihukum dengan 80 kali sebatan dan 40 sebatan jika dia seorang hamba sahaya.
- Mencaci sahabat Rasulullah ﷺ.
- Bersaksi palsu.
- Melambat-lambatkan membayar hutang padahal dia mampu untuk membayarnya.
- Mencaci, melaknat dan menghina seorang muslim dan setiap perkataan yang menyakitinya.
- Berdusta kepada Allah dan Rasul-Nya.
- Melakukan dakwaan palsu iaitu mengakui hak milik orang lain sebagai miliknya.

- Thalak bid'ie, (الطلاق البدعي) iaitu mentalak isteri dalam keadaan haid atau dalam keadaan suci yang telah dia setubuhi pada semasa suci tersebut).
- Zhihar, (الظهار) iaitu berkata kepada isterinya: "Kamu bagiku seperti belakang ibuku", ertinya aku tidak lagi menggaulimu. Pesalah zhihar dikenakan kifarat jika tidak mentalak isterinya seketika itu. Kifaratnya adalah: memerdekakan hamba mukmin yang normal (sihat dan tidak cacat), jika tidak mampu maka berpuasa selama dua bulan berturut-turut, dan jika tidak mampu berpuasa maka harus memberi makan 60 orang miskin dengan 60 mud.
- (اللحن) Salah dalam membaca al-Quran dengan bacaan yang boleh merosakkan makna, atau bacaan yang merosakkan l'rab (الإعراب) (harakat akhir) sekalipun tidak sampai merosakkan makna.
- Meminta-minta (mengemis) bagi orang yang cukup dengan harta atau pekerjaannya.
- Bernazar dengan tujuan menggagalkan hak waris ahli warisnya.
- Mengabaikan wasiat tentang hutangnya atau suatu yang tidak diketahui oleh orang lain.
- Menasabkan diri kepada selain ayahnya atau kepada selain tuannya yang telah memerdekakannya, seperti berkata; "saya telah dimerdekakan oleh si fulan", dengan menyebutkan nama orang lain yang tidak memerdekakannya.
- Melamar perempuan yang telah dilamar oleh muslim lain.
- Memberi fatwa tanpa berdasarkan ilmu.
- Belajar dan atau mengajarkan ilmu yang membahayakan tanpa ada sebab syarie.
- Berhukum selain hukum Allah.
- Meratapi musibah dengan menyebut-nyebut kebaikan dan atau menjerit-jerit karena kematian seseorang.
- Setiap perkataan yang mendorong seseorang untuk berbuat kemaksiatan dan atau perkataan yang melemahkan seseorang dari melaksanakan pekerjaan wajib. Setiap perkataan yang mengandungi penghinaan

terhadap agama, salah seorang nabi, ulama, al-Quran atau ajaran ajaran Allah lainnya.

- Meniup seruling.
- Berdiam diri dari amar makruf dan nahi munkar tanpa ada uzur syarie.
- Menyembunyikan ilmu yang wajib dipelajari (tidak mengajarkannya) kepada orang yang menuntut darinya.
- Mentertawakan orang kerana keluarnya angin darinya, atau mentertawakan seorang muslim dengan tujuan menghinanya.
- Menyembunyikan persaksian dan tidak menjawab salam yang wajib untuk dijawab.
- Haram bagi seorang yang sedang berihram haji atau umrah mencium suami atau isteri yang membangkitkan syahwat, juga bagi yang sedang menjalankan puasa fardu apabila dikuatirkan dapat menyebabkan keluarnya mani dan ada pendapat yang mengatakan bahawa hal tersebut hukumnya makruh, juga haram mencium orang yang haram untuk dicium.

(Pasal)

Maksiat Telinga

Di antara maksiat telinga adalah:

- Mendengar perkataan orang yang dirahsiakan darinya.
- Mendengar bunyi seruling, biola (alat muzik yang menyerupai gitar) dan suara-suara lain yang diharamkan.
- Haram hukumnya mendengar ghibah, namimah dan seumpamanya. Berbeza halnya jika mendengar suara-suara tersebut tanpa disengajakan dan dia membencinya, namun demikian dia harus mengingkarinya jika mampu.

(Pasal)  
Maksiat Kedua Tangan

Di antara maksiat kedua tangan:

- Mengurangi tukaran, timbangan atau ukuran (dengan hasta misalnya).
- Mencuri, dan pencuri barang yang senilai satu perempat ( $\frac{1}{4}$ ) dinar dari tempat biasanya barang tersebut disimpan, akan dikenakan hukuman had dengan dipotong tangan kanannya kemudian jika dia mengulanginya lagi maka dipotong kaki kirinya, jika dia mengulanginya kembali maka dipotong tangan kirinya, kemudian kaki kirinya.
- Meragut hak orang lain secara terang-terangan (الذهب), Merampas hak orang lain secara terang terangan dengan menggunakan kekuatan (الغصب), mengambil cukai (المكس) dan mengambil harta ghanimah (الغنيمة) sebelum dibagikan secara syarie.
- Membunuh, kifatatnya secara mutlak iaitu memerdekakan hamba sahaya yang sihat (tidak cacat), jika dia tidak mampu maka berpuasa dua bulan berturut-turut, dan kalau membunuhnya dengan sengaja maka dia dikenakan hukuman qisas (القصاص) kecuali dimaafkan oleh ahli waris dengan syarat membayar diyat (الدية) atau dengan percuma. Sekiranya membunuh kerana tersalah (الخطأ) dan yang seumpamanya (شبه الخطأ) maka hukumnya wajib membayar diyat iaitu seratus ekor unta jika yang terbunuh adalah lelaki merdeka yang muslim dan separuhnya [50 ekor unta] bagi perempuan merdeka yang muslimah, dan hukum diyat itu disesuaikan dengan jenis pembunuhannya.
- Memukul tanpa hak.
- Mengambil dan memberi rasuah.
- Membakar haiwan kecuali jika haiwan itu menyakiti dan tidak ada jalan lain untuk menjauhkan bahayanya, memotong-motong tubuh haiwan[hidup].
- Bermain dadu dan semua jenis yang mengandungi unsur perjudian.

- Mainkan alat muzik yang diharamkan seperti biola, robab, seruling dan gitar.
- Diharamkan bagi lelaki menyentuh perempuan yang ajnabi (bukan mahram) dengan sengaja tanpa kain pelapik atau dengan menggunakan kain pelapik tapi dengan syahwat walaupun dengan sejenisnya atau mahramnya.
- Menggambar sesuatu yang bernyawa.
- Tidak membayar zakat atau hanya mengeluarkan sebahagian saja padahal sudah tiba waktunya dan dia mampu untuk membayarnya, mengeluarkan sesuatu yang tidak menjadikan sah zakatnya, membahagikan zakatnya kepada mereka yang tidak berhak menerimanya.
- Tidak membayar upah buruh.
- Tidak menolong orang yang sedang dalam kesusahan (kesusahan yang sangat berat) dengan sesuatu yang menyelamatkannya tanpa ada uzur syarie. Tidak menolong orang yang sedang tenggelam padahal tidak ada uzur syarie.
- Menulis sesuatu yang haram untuk diucapkan.
- Khianat, iaitu sifat berlawanan dengan nasihat, hal ini boleh berlaku dengan perbuatan, perkataan dan keadaan.

### (Fasal)

### Maksiat Faraj

Di antara maksiat faraj adalah:

- Zina (iaitu memasukkan hasyafah [حشفة] ke dalam kemaluan).
- Liwat (iaitu memasukkan hasyafah [حشفة] melalui dubur).
- Hukuman bagi orang yang melakukan zina atau liwat adalah Rejam iaitu dilempar dengan batu sehingga mati, bagi lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin atau disebat seratus kali dan diasingkan selama satu

tahun bagi yang belum berkahwin dan bagi seorang hamba setengah dari ketentuan tersebut.

- Bersetubuh dengan haiwan meskipun haiwan tersebut miliknya, onani dengan selain tangan isterinya dan tangan hambanya yang halal baginya, bersetubuh di saat haid, nifas, atau telah suci dari keduanya tapi belum mandi hadas besar atau setelah mandi wajib tetapi tanpa disertai niat[mandi] yang sah, atau disebabkan tertinggalnya salah satu syarat dari syarat-syarat mandi wajib.
- Menampakkan sesuatu di hadapan orang yang haram melihatnya atau membukanya dalam keadaan sendirian tanpa tujuan tertentu.
- Mengadap atau membelakangi kiblat ketika membuang air kecil atau besar tanpa ada penghalang (penutup di depannya mempunyai ketinggian  $\frac{2}{3}$  hasta atau lebih). Atau ada sesuatu yang menghalanginya akan tetapi jauh darinya lebih dari tiga hasta atau penghalang tersebut tingginya kurang dari  $\frac{2}{3}$  hasta kecuali pada tempat yang memang dikhususkan untuk buang air (boleh menghadap atau membelakangi kiblat bila berada di tempat yang khusus yang disediakan untuk buang hajat seperti tandas).
- Buang air besar di atas kubur.
- Buang air kecil di dalam masjid atau di tempat yang dimuliakan secara syariat meskipun air kencingnya disimpan di tempat lain seperti botol.
- Tidak berkhatan padahal dia telah baligh, tapi menurut mazhab imam Malik hal ini dibolehkan.

(Fasal)

Maksiat kaki

Di antara maksiat kaki ialah:

- Berjalan atau pergi untuk melakukan perbuatan maksiat seperti pergi mencederakan sesama muslim atau dengan menghasut seorang

- penguasa atau yang lainnya, atau untuk membunuhnya, iaitu berjalan pergi untuk membunuhnya atau melukainya tanpa hak.
- Lari seorang hamba dari majikannya atau isteri dari suaminya atau seseorang pelaku jenayah dari hukuman qisas atau lari dari hutang atau lari dari tanggungjawab memberi nafkah atau lari dari kewajipan berbakti kepada kedua orang tua atau lari dari tanggungjawab memelihara anak.
  - Berjalan dengan sombong.
  - Melangkahi tempat orang lain kecuali untuk mengisi tempat yang kosong.
  - Berjalan di hadapan orang yang sedang solat apabila syarat-syarat pembatasnya (الستره) terpenuhi.
  - Melunjurkan kaki ke mushaf (al-Quran) padahal mushaf berada di tempat yang tidak tinggi.
  - Setiap perjalanan untuk melakukan perkara yang haram dan meninggalkan kewajipan.

#### (Fasal)

#### Maksiat Badan

Di antara maksiat badan ialah:

- Menyakiti (عقوق) kedua ibu bapa.
- Lari dari peperangan, iaitu lari dari barisan tentara Islam yang berperang di jalan Allah setelah sampai di medan peperangan.
- Memutuskan tali silaturrahmi.
- Menyakiti tetangga meskipun seorang kafir, yang telah mendapat jaminan keamanan.
- Mewarna rambut dengan warna hitam (sebahagian ulama membolehkan apabila dengan tidak bertujuan untuk menipu dan menyamar).
- Lelaki menyerupai perempuan dan sebaliknya iaitu dengan sesuatu yang khusus bagi salah satu jenis dalam hal berpakaian, sikap dan lain-lain.

- Melabuhkan pakaian (melebihkan pakaian hingga ke bawah buku lali) dengan niat bermegah.
- Memberi warna pada tangan dan kaki dengan daun inai bagi lelaki tanpa ada keperluan yang dibolehkan syarak.
- Membatalkan ibadah wajib (seperti solat, puasa) tanpa uzur syarie.
- Membatalkan ibadah haji dan umrah yang sunat.
- Meniru perbuatan orang mukmin dengan tujuan menghinanya.
- Mencari keburukan orang.
- Memakai atau yang membuat tato.
- Tidak bertegur sapa terhadap seorang muslim selama lebih dari tiga hari kecuali ada alasan yang diperbolehkan syarak.
- Duduk bersama dengan ahli bid'ah atau orang fasiq sehingga si fasiq tenggelam dalam kefasikannya.
- Memakai emas, perak dan kain sutera atau sesuatu yang kadarnya [ketiga-tiga jenis] lebih banyak bagi lelaki yang telah baligh kecuali cincin perak.
- Khalwah dengan ajnabiyah iaitu berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya di tempat yang sunyi tanpa ada orang ketiga, lelaki atau perempuan yang disegani.
- Bermusafir seorang wanita tanpa mahram.
- Memaksa orang yang merdeka bekerja.
- Memusuhi wali.
- Menolong / membantu dalam perbuatan maksiat.
- Menyebarkan sesuatu yang palsu.
- Menggunakan peralatan rumah (pinggan dan mangkuk) yang diperbuat dari emas dan perak atau menyimpannya.
- Meninggalkan sesuatu yang fardu, atau melaksanakannya tapi dengan meninggalkan rukun atau syaratnya atau melakukan hal yang membatalkannya.

- Meninggalkan solat jumaat yang hukumnya wajib ke atasnya sekalipun dia melakukan solat Zuhur.
- Meninggalkan solat fardu secara berjamaah bagi seluruh penduduk desa.
- Mengakhirkkan solat fardu sampai keluar dari waktunya tanpa uzur.
- Memburu binatang buruan dengan sesuatu yang berat dan tumpul (dengan sesuatu yang dapat membunuhnya disebabkan beratnya seperti batu).
- Menjadikan haiwan sebagai sasaran latihan.
- Perempuan yang sedang dalam masa iddah keluar rumah tanpa uzur.
- Tidak menjalankan ihdad (الإحداد) kerana meninggalkannya suami.
- Mengotorkan masjid walaupun dengan benda yang suci.
- Menangguhkan haji bagi yang telah mampu sehingga dia meninggal dunia.
- Berhutang bagi orang yang tidak ada harapan secara zahirnya dapat membayar hutangnya dan orang yang memberi hutang tidak tahu akan hal tersebut.
- Tidak memberikan tempoh waktu yang lebih lama kepada orang yang tidak mampu membayar hutang.
- Menggunakan harta untuk perbuatan maksiat.
- Merendahkan al-Quran dan ilmu syarak dan membiarkan anak kecil yang sudah mumayyiz untuk melakukan perkara itu.
- Memindahkan sempadan tanah (memindahkan batasan antara tanah miliknya dengan tanah milik orang lain). Menggunakan tanah jalan dengan sesuatu yang tidak dibolehkan.
- Menggunakan barang pinjaman dengan cara yang tidak diizinkan oleh tuannya, menggunakannya melebihi had waktu yang telah ditentukan atau meminjamkannya kepada orang lain.
- Melarang orang menggunakan tanah umum seperti padang rumput untuk menggembala, melarang orang lain mencari kayu bakar di tanah yang tidak bertuan, melarang orang lain mencari garam atau emas dan perak dan selainnya.

- Melarang orang lain mengambil air dari sumbernya.
- Menggunakan barang dijumpai sebelum diumumkan kepada umum / masyarakat sesuai dengan syarat-syaratnya.
- Duduk sambil melihat kemunkaran kecuali ada uzur.
- Menghadiri majlis kenduri tanpa diundang atau yang mengadakan majlis itu mengizinkan masuk kerana berasa malu jika mengusirnya.
- Membezakan antara isteri–isterinya (oleh suami yang berpoligami) dalam hal nafkah dan bermalam, adapun kecenderongan hati iaitu kasih dan sayang lebih pada salah satunya bukanlah maksiat.
- Seorang perempuan keluar dari rumah untuk mencari perhatian atau menggoda lelaki.
- Mengamalkan sihir.
- Tidak taat pada Imam / Khalifah, seperti mereka yang membangkang kepada Saidina Ali dan bahkan memerangnya, al-Baihaqi mengatakan bahawa seluruh orang yang memerangi Ali adalah bughat (بغاة), begitu juga fatwa Imam Syaafii sebelumnya, meskipun diantara mereka ada yang tergolong sahabat pilihan kerana seorang wali sekalipun tidak mustahil berbuat dosa sekalipun dosa besar.
- Menerima tanggungjawab mengurus anak yatim, masjid atau menjadi hakim padahal dia mengetahui bahawa dirinya tidak mampu melaksanakan amanat tersebut.
- Menyembunyikan dan melindungi orang yang zalim dari orang yang ingin mengambil hak darinya.
- Menakut-nakutkan orang islam.
- Merompak, pesalah ini dihukum sesuai dengan perbuatan jenayahnya boleh di penjara, atau dipotong tangan dan kakinya secara berlawanan sekiranya dia tidak membunuh, atau dibunuh dan disalib jika dia membunuh mangsanya.
- Tidak melaksanakan apa yang telah dinazarkan.
- Berterusan dalam berpuasa, iaitu berpuasa dua hari atau lebih secara berturut–turut tanpa berbuka dan makan apa apa pun.

- Mengambil tempat duduk orang lain atau mendesaknya dan sampai menyakitinya atau mengambil giliran orang lain.

# **BAB IX**

## **∞ TAUBAT ∞**

Wajib atas setiap mukalaf bertaubat dengan segera atas dosa–dosa yang dilakukannya, iaitu dengan menyesali perbuatan dosanya, meninggalkannya dan bertekad untuk tidak mengulanginya kembali. Sekiranya dosa yang dia lakukan adalah meninggalkan kewajipan maka hendaklah segera dia mengqada kewajipan tersebut atau sekiranya berkaitan dengan hak sesama manusia maka perlulah segera dia mengembalikannya atau meminta maaf dan mendapatkan keredaan darinya.

## ❧ ISI KANDUNGAN ❧

➤ MUKADIMAH:	-01-
➤ BAB I : ASAS AKIDAH	-02-
➤ BAB II : BERSUCI DAN SOLAT	-14-
▪ Istinja	-17-
➤ BAB III : ZAKAT	-29-
➤ BAB IV : PUASA	-34-
➤ BAB V : HAJI	-36-
➤ BAB VI : MUAMALAT	-39-
➤ BAB VII : RIBA	-41-
➤ BAB VIII : KEWAJIPAN-KEWAJIPAN HATI	-46-
▪ Maksiat Hati	-47-
▪ Maksiat Perut	-48-
▪ Maksiat Mata	-49-
▪ Maksiat Lidah	-50-
▪ Maksiat Telinga	-52-
▪ Maksiat Kedua Tangan	-53-
▪ Maksiat Faraj	-54-
▪ Maksiat Kaki	-55-
▪ Maksiat Badan	-56-
➤ BAB IX : TAUBAT	-61-
➤ ISI KANDUNGAN	-62-